


Jilid IV
Bil. 47



Hari Khamis
17hb November, 1994

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN


PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session

Jilid IV
Bil. 47



MALAYSIA

Hari Khamis
17hb November, 1994

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 7597]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18:

Pendirian Kerajaan Malaysia Terhadap Pergerakan Rakyat Timor-Timur
Menentang Penaklukan Indonesia

— Y.B. Tuan Wong Wing On (Kampar) [Ruangan 7627]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1995 [Ruangan 7642]

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan 1995 [Ruangan 7642]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 7718]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR
BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N.
(Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, D.G.S.M.,
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P.,
S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S.
(Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATUK AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.G.S.M.,
D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,
DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S.,
S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,
D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulau).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- .. Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- .. Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.S.S.A., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- .. Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- .. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- .. Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- .. Menteri Belia dan Sukan, TUAN HAJI ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- .. Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K., J.P. (Penampang).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- .. Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.S.S.A., D.I.M.P. (Jerantut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' MOHAMED FARID BIN ARIFFIN, D.S.P.N., P.J.K. (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR T. MARIMUTHU, K.M.N., S.D.K. (Telok Kemang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N., (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATUK MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, D.S.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATUK S. S. SUBRAMANIAM, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

Yang Berhormat TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).

- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).

Yang Berhormat TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).

- „ DATUK HAJI IBRAHIM BIN ALI, D.M.S.M. (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DATO' DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI MOHD. JARJIS, D.I.M.P. (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGU, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
- „ TUAN LAI LUNG TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ DATUK MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).

- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N. S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.K., K.C.R.L., K.S.T.J., O.B.E. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Telok Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY, P.G.D.K., A.S.D.K. (Nibong Tebal).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ DATIN PADUKA HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP, D.S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- „ MULIA TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).

Yang Berhormat DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).

- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ CIK SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

- Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,
D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
- Pemangku Ketua Penolong Setiausaha : Abdullah bin Abdul Wahab.
- Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penolong Penyunting : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Haji Hassan.
Hajah Kelsom binti Ghazali.
Mohamed bin Osman.
Norishah binti Mohd. Thani.
Zaharah binti Naim.
Su Soon Chuan.
Norwahidah binti Azizi.
Rozita binti Abd. Samad.
Jainah binti Sakimin.
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 17hb. November, 1994

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAANSYARIKAT INSURANS —
KEDUDUKAN KEWANGAN

1. Dr. Nawawi bin Mat Awin minta
Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) selain daripada syarikat-syarikat insurans yang telah digulung, sama ada semua syarikat insurans yang beroperasi di Malaysia telah disahkan kesihatan kewangannya; dan
- (b) apakah tindakan yang telah diambil untuk mencegah amalan-amalan tidak sihat oleh sesetengah pengusaha bengkel motor berkaitan dengan tuntutan-tuntutan insurans motor.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia mengawal operasi dan kedudukan kewangan syarikat-syarikat insurans dengan rapi melalui penyata

kewangan suku tahunan dan tahunan yang dikemukakan oleh syarikat-syarikat insurans. Pemeriksaan juga dilakukan dari masa ke semasa ke atas pejabat-pejabat perniagaan setiap syarikat insurans dengan tujuan memastikan operasi syarikat-syarikat insurans adalah pada tahap yang memuaskan khususnya dari segi kedudukan kewangan.

Dalam kes di mana kedudukan kewangan syarikat-syarikat insurans didapati menunjukkan tanda-tanda bahawa ia tidak akan mempunyai sumber kewangan minimum yang diperlukan untuk menjelaskan tuntutan-tuntutannya, Bank Negara akan mengarahkan syarikat-syarikat insurans berkenaan untuk mengambil tindakan-tindakan pembedahan yang sewajarnya seperti menambahkan modal syarikatnya, melarang syarikat insurans berkenaan daripada mengeluarkan polisi-polisi insurans baru atau melantik pihak-pihak yang sesuai untuk mengurus syarikat-syarikat insurans berkenaan. Tindakan menggulung syarikat insurans merupakan langkah terakhir yang akan diambil oleh Bank Negara setelah segala langkah menyelamatkan yang lain gagal menghasilkan pemulihan ke atas kedudukan kewangan syarikat tersebut.

- (b) Dalam mencegah amalan-amalan yang tidak sihat di kalangan pengusaha bengkel motor, Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) telah melaksanakan dengan izin, "Approved Repairers Scheme" semenjak bulan Mac 1983. Skim ini bertujuan untuk memastikan hanya perkhidmatan pembaikan motor yang profesional dan berhemah digunakan untuk membaiki kenderaan yang mengalami kerosakan akibat daripada sesuatu kemalangan.

Bank Negara Malaysia pula mengeluarkan satu garis panduan iaitu Garis Panduan untuk Membasmi Penipuan Insurans Motor pada 16hb. Mac, 1992 bertujuan untuk mencegah penyelewengan di kalangan bengkel-bengkel membaiki motor.

Bagi memastikan tindakan-tindakan yang diambil agar lebih berkesan, Bank Negara juga akan mengeluarkan satu garis panduan mengenai Amalan Penyelesaian Tuntutan tidak lama lagi. Garis panduan ini antara lain bertujuan untuk memastikan kerja-kerja pembaikan motor dijalankan dengan memuaskan dan disiapkan dengan segera.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setakat ini, setakat garis panduan yang ada daripada jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi mengenai (b), berapakah laporan ataupun tindakan yang telah diambil sama ada oleh syarikat insurans kepada pengusaha bengkel ataupun pengguna kepada pengusaha bengkel ataupun kepada pihak insurans. Sebab setakat yang kita tahu bahawa rungutan daripada mereka yang terlibat dengan kemalangan berhubung dengan pengusaha bengkel ini saya ingat tidak berhenti-henti.

Di antaranya ada tuduhan yang mengatakan bahawa pihak insurans — orang yang bekerja di pihak insurans sendiri ada berpakat dengan pihak pengusaha bengkel supaya memberi alat-alat ganti yang tidak mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan. Saya beri satu contoh misalnya baru-baru ini, tetapi saya belum buat laporan lagi. Kereta saya mengalami kemalangan dan dia tidak boleh mendapat barang ganti jadi dia cari barang ganti yang lain tetapi tuntutan kepada insurans sama, harga tidak kurang. Dan selepas dua bulan dipakai kita tengok benda itu sudah berkarat balik.

Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kerana tidak ada bilangan seperti yang ditanyakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau semenjak garis panduan membasmi penipuan insurans motor pada 16hb. Mac, 1992. Saya akan memberi jawapan secara bertulis.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, selepas siasatan yang telah dilakukan oleh Bank Negara Malaysia terhadap industri insurans ini. Buat masa ini terdapat berapa buah lagi syarikat insurans am yang masih dalam keadaan yang daif?

Yang kedua, Tuan Yang di-pertua, Mercantile Insurance Sdn. Bhd. telah pun digulung seperti dimaklumkan kepada semua. Maka saya ingin hendak tanya ada terdapat lagi pihak-pihak yang masih berhutang kepada Mercantile Insurance Sdn. Bhd. walaupun Mercantile Insurance Sdn. Bhd. memang berhutang kepada ramai orang juga khususnya premium holders, dengan izin. Tetapi pihak-pihak yang berhutang dengan Mercantile Insurance Sdn. Bhd. pun masih terdapat banyak lagi. Adakah pihak Bank Negara Malaysia ataupun liquidators dengan izin, akan mengambil tindakan terhadap pihak-pihak si berhutang ini?

Tuan Yang di-Pertua, pada suatu ketika saya percaya Bank Negara Malaysia pun memberi nasihat kepada insurans am kecil-kecil ini, jika tidak mencukupi dari segi modal kewangan harus digabungkan. Apakah telah terjadi kepada nasihat ini?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak pelikuidasi dan Ketua Pengarah Insurans untuk membayar tuntutan-tuntutan pemegang-pemegang insurans, pihak ini juga sedang menjalankan usaha-usaha untuk mendapat balik hutang-hutang yang terakru kepada pihak Mercantile Insurance Sdn. Bhd. seperti mana yang seharusnya dilakukan oleh mana-mana pihak yang melikuidasikan syarikat.

Mengenai dengan gabungan insurans kecil belum lagi berlaku tetapi pihak Bank Negara Malaysia masih lagi meneliti mengenai dengan kemungkinan dilakukan gabungan ini.

Untuk soalan yang pertama Tuan Yang di-Pertua, semenjak tahun 1992 sebanyak 8 syarikat insurans am telah gagal memenuhi keperluan yang saya sebut tadi iaitu keperluan marjin solvensi minimum, dengan kekurangan pada masa ini sebanyak RM691.8 juta. Daripada 8 syarikat tersebut, sehingga hari ini 4 syarikat telah berjaya mengatasi kesemua atau sebahagian besar daripada kekurangan solvensi mereka. Sementara 3 syarikat pula sedang dalam proses mengatasi masalah tersebut. Hanya satu syarikat sahaja yang tidak mengatasi masalahnya iaitu syarikat Mercantile Insurance Sdn. Bhd. yang telah disebut oleh Yang Berhormat tadi.

Ingin saya memaklumkan di sini, bahawa Bank Negara Malaysia telah pun mengarahkan syarikat-syarikat insurans yang mengalami kekurangan solvensi

supaya memperbaiki kekurangan solvensi mereka, sama ada melalui penambahan modal oleh pemegang-pemegang saham yang sedia ada ataupun pemegang saham baru. Kegagalan untuk berbuat demikian akan menyebabkan tindakan selanjutnya diambil oleh Bank Negara Malaysia melalui Ketua Pengarah Insurans.

INSTITUT TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SRI ISKANDAR, PERAK — PEMBINAAN

2. Tuan Haji Nasruddin bin Haji Alang Saidin minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah dijangka siap pembinaan Institut Teknologi MARA Cawangan Perak di Seri Iskandar dan berapakah jumlah penuntut-penuntut yang akan diambil dan bilakah sesi pengajian akan dimulakan.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan Institut Teknologi MARA (ITM) Cawangan Perak di Seri Iskandar dijangka siap pada 1hb. Mac, 1996. Pengajian akan dimulakan pada pengambilan Sesi Julai 1996 dengan jumlah penuntut seramai 500 orang.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setakat ini berapakah cawangan Institut Teknologi MARA (ITM)? Tidak bolehkah umpamanya ITM Cawangan Perak itu menjadi bukan sebuah cawangan tetapi independent — sebuah Institut Teknologi MARA yang tersendiri. Kerana kemungkinan besar apabila terlalu banyak cawangan akan melibatkan masalah pengurusan dan akan mengekang kemajuan sesuatu institut itu. Kenapakah tidak ada Institut Teknologi MARA yang berasingan mengikut merata-rata negeri bukan menjadi cawangan kepada ITM yang sedia ada?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya tiada angka berapa buah cawangan, saya perlu notis. Sebenarnya pengurusan ITM menerusi cawangan-cawangan ini adalah cara yang banyak dijalankan pada masa kini dan cadangan-cadangan Yang Berhormat itu kita akan pertimbangkan. Tetapi untuk makluman Yang Berhormat bila ITM Kampus Cawangan Perak ini siap sepenuhnya dalam tahun 2000, ia boleh menampung sehingga 4,000 orang pelajar dan ia akan mengeluarkan diploma-diploma tersendiri. Bermakna kelulusan terus dari sana dan tidak lagi balik ke kampus induk di Shah Alam.

Kursus-kursus di ITM Cawangan Perak itu adalah Diploma Perakaunan, Diploma Perancangan Bandar, Diploma Seni Bina, Diploma Ukur Bahan dan juga tersenarai di sini sebanyak 11 diploma yang akan disediakan di kampus ITM Cawangan Perak itu bila kampus tetap itu telah disiapkan.

Tuan Haji Shukri bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada ITM Cawangan Perak ini yang akan dibuka tahun hadapan, adakah ITM Cawangan Machang yang sedang dibina ini sempat dibuka tahun hadapan?

Soalan saya yang kedua ialah adakah kerajaan bercadang untuk menaikkan taraf ITM ini ke taraf universiti?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan yang pertama izinkan saya menjawab secara bertulis kerana saya ingin merujuk kembali.

Soalan yang kedua ini, kementerian telah memberi maklumat bahawa pada masa kini belum ada cadangan untuk meningkatkan ITM ini ke peringkat universiti kerana kita masih merasai bahawa tujuan asal kita membina ITM itu dan juga usaha-usaha dan hasil dari penubuhan itu adalah memuaskan dan masih diperlukan.

MARDEC — KONSPIRASI HARGA GETAH

3. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah hasil penyiasatan terhadap pegawai MARDEC berpakat dengan tauke kilang getah bagi menurunkan harga getah untuk mengaut keuntungan berlipat ganda:

- (a) berapa aduan telah diterima oleh pekebun-pekebun kecil hingga setakat ini;
- (b) berapa penyiasatan telah diselesaikan;
- (c) berapa pegawai MARDEC dan tauke kilang getah terbabit dalam penipuan tersebut;
- (d) adakah agensi yang lain terlibat dalam gejala tersebut, jika ada, sebutkan siapa dan berapa;
- (e) apakah tindakan telah dan sedang diambil oleh kementerian; dan
- (f) apakah langkah-langkah yang berkesan untuk menjamin penipuan tersebut tidak diulangi lagi.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat Tuan Saidin bin Adam pada 10hb. November, 1994 yang lalu dan saya tidak berhajat untuk membuat apa-apa tambahan.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya dapati harga getah yang paling tinggi dalam tempoh sepuluh tahun ini ialah RM3.34 sekilo pada 2hb. September, 1988 dan yang kedua tinggi ialah pada 21hb. Julai, 1994, harganya RM3.33 sekilo, hanya satu sen sahaja kurang berbanding pada tahun 1988. Saya hendak tahu apakah harga getah yang dipungut, yang dijual, yang

diterima oleh ejen-ejen MARDEC pada tempoh yang tersebut itu? Bolehkah Timbalan Menteri memberi satu keterangan terhadap perkara ini?

Dan saya dapati juga Tuan Yang di-Pertua, bahawa pada masa-masa yang lalu getah kering lebih mahal daripada getah cecair tetapi pada tempoh yang tersebut itu ada kalinya getah cecair lebih tinggi harganya daripada getah kering. Apa sebabnya dan berapa harga akan ditawarkan oleh ejen-ejen MARDEC pada tempoh yang tersebut itu dan apakah alasan-alasan mengapa harganya sehingga RM2.30 sekilo?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya telah terangkan bahawa untuk memastikan harga itu, sekurang-kurangnya ada 3 fakta. Pertama ialah dari segi mutu getah. Ini termasuk kecairannya. Yang kedua, dari segi mutu getah juga berdasarkan kepada bahan-bahan iaitu 100%. Kadang-kadang kita terdapat juga getah yang termasuk di dalamnya kayu, batu, paku dan sebagainya. Jadi, ini menyebabkan harga itu terpaksa turun.

Dan untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, saya tidak dapat menyatakan berapa harga yang MARDEC berikan kerana ini bergantung kepada pengangkutan, berapa jauh sumber pembelian itu dengan pusat-pusat yang telah ditetapkan. Kalau dekat, maka harganya mahal sedikit. Kalau jauh, harganya jatuh sedikit kerana ditolak kos pengangkutan dan sebagainya.

Yang kedua, getah cair sekarang ini lebih mahal ini menunjukkan teknologi kita telah berubah. Semenjak tumpuan R & D dibuat, maka penggunaan getah cair dalam negeri meningkat. Kalau dahulu, kita menggunakan getah beku, getah kering tetapi sekarang ini banyak kegunaan digunakan dalam getah cair.

Dan begitu juga untuk dieksport ke luar negara. Oleh kerana soalan Yang Berhormat itu agak spesifik, saya rasa saya akan cuba memberi jawapannya secara bertulis.

INDUSTRI HILIRAN PERKAYUAN — INSENTIF KEPADA PELABUR

4. Tuan Harrison Ngau Laing minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) memandangkan negara Malaysia adalah antara negara-negara utama dalam pengeluaran dan pengeksportan kayu-kayan, apakah insentif yang diberi kepada pelabur-pelabur asing dan tempatan untuk menggalakkan mereka melabur dalam industri hiliran perkayuan di Malaysia;
- (b) adakah promosi telah dan akan dibuat dan insentif disediakan untuk menyedari pelabur-pelabur mengenai potensi-potensi yang sedia ada dalam industri perabot di negeri Sarawak; dan
- (c) apakah halangan atau kekurangan yang telah dikenal pasti yang menyebabkan pelabur-pelabur dalam industri ini tidak begitu minat untuk membuat pelaburan dalam industri tersebut di Sarawak.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Insentif-insentif yang diberi kepada pelabur-pelabur asing dan tempatan untuk menggalakkan pelaburan di dalam industri hiliran berasaskan kayu ialah galakan Taraf Perintis dan Elaun Cukai Pelaburan. Pengecualian cukai sebanyak 75% ke atas pendapatan

syarikat selama 5 tahun diberi kepada syarikat yang diluluskan galakan Taraf Perintis manakala Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60% daripada perbelanjaan modal yang layak diberi kepada syarikat yang diluluskan galakan Elaun Cukai Pelaburan. Walau bagaimanapun, bagi syarikat-syarikat yang berlokasi di Koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, kadar pengecualian adalah lebih tinggi iaitu pengecualian sebanyak 85% bagi taraf perintis dan 80% bagi Elaun Cukai Pelaburan.

- (b) Pihak MITI telah mengadakan promosi dan penerangan kepada pelabur-pelabur mengenai potensi industri perabot di Sarawak. Pada tahun 1993 dan 1994, MITI telah menganjurkan dua seminar mengenai Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian iaitu satu di Sibu dan satu lagi di Miri, Sarawak. Di samping itu, MITI telah juga mengadakan satu seminar dan Expo Industri Kecil dan Sederhana di Kuching, Sarawak pada bulan Ogos tahun ini. Di Expo tersebut berbagai keluaran-keluaran Industri Kecil dan Sederhana telah dipamerkan dan penerangan juga diberi kepada pelabur-pelabur mengenai potensi industri hiliran berasaskan kayu, termasuk industri perabot.
- (c) Daripada maklum balas yang diterima oleh MITI, di antara sebab-sebab mengapa para pelabur tidak begitu berminat untuk membuat pelaburan dalam industri hiliran berasaskan kayu di Sarawak adalah kekurangan tenaga pekerja yang mahir dan masalah infrastruktur dan juga pengang-

kutan jika dibandingkan dengan lokasi-lokasi lain di Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sedang berusaha ke arah mengatasi masalah-masalah dan kekurangan-kekurangan tersebut.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa ada syarikat-syarikat raksasa yang memilih Indonesia misalnya, untuk melabur di dalam bidang ini bukan di Malaysia. Memandangkan di Indonesia bukan sahaja kayu yang lebih banyak bahkan tenaga pekerja yang sedia ada di negara itu. Kalau sedar, apakah tindakan telah diambil untuk membetulkan keadaan memandangkan insentif-insentif yang disebutkan tadi tidak mencukupi untuk menggalakkan industri ini. Dan bolehkah Yang Berhormat menerangkan apakah keadaan di Koridor Pantai Timur sekarang? Saya diberitahu bahawa di Pantai Timur kerana infrastrukturnya kurang baik maka tidak ada banyak syarikat yang berminat untuk melabur di Koridor itu.

Tuan Chua Jui Meng: Mengenai soalan yang kedua, itu luar daripada soalan asal tetapi soalan ini telah dijawab baru-baru ini di dalam Dewan ini. Ini menunjukkan iaitu pelaburan di Pantai Timur telah meningkat begitu pesat, terutamanya di Terengganu dan Pahang, sedikit sahaja di Kelantan. Tetapi selain daripada Kelantan, daripada aspek pelaburan di bidang industri di Pantai Timur telah meningkat dengan pesat.

Soalan yang pertama, mengenai syarikat-syarikat raksasa yang telah melabur di Indonesia pada amnya dalam industri-industri yang perlu ramai pekerja-pekerja dan buruh-buruh am, maka Malaysia telah memperolehi satu, dengan izin, full employment, dengan unemployment di bawah paras 30% pada masa kini

tambahan pula dasar kerajaan pun tidak menggalakkan industri-industri yang berasaskan kepada buruh yang intensif. Oleh kerana itu, mereka pergi ke Indonesia ataupun Filipina atau Indo-China. Ini satu perkara yang kita fahami dan terima. Oleh kerana pada hari ini, kita menumpukan perhatian kita di dalam industri yang berasaskan kepada teknologi tinggi atau modal yang tinggi yang penggunaan buruh adalah lebih rendah daripada industri-industri yang berdasarkan kepada industri yang memerlukan buruh yang banyak.

Walau bagaimanapun, untuk memberikan satu gambaran yang lebih menyeluruh dan tepat mengenai pelaburan industri di Sarawak, saya hendak mengemukakan beberapa statistik. Daripada tahun 1990 sehingga bulan Oktober tahun ini, Sarawak telah menarik sebanyak RM10.3 bilion untuk melabur di negeri Sarawak. Ini satu amaun yang bukan kecil, satu amaun yang sebenarnya yang amat significant.

Dalam bidang hiliran berasaskan kepada kayu, dari tahun 1990 sehingga Julai tahun ini, sebanyak 153 projek telah diluluskan untuk industri hiliran ini iaitu 41% daripada jumlah projek-projek perkilangan yang telah diluluskan untuk Sarawak dan ini bila semua dilaksanakan akan mewujudkan pekerjaan sebanyak 52,000 peluang pekerjaan dengan modal untuk industri kayu-kayan sebanyak RM3 bilion pada masa 1980 sehingga Julai tahun ini.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, lawatan Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri ke negeri Sarawak serta seminar-seminar yang diadakan adalah amat dialu-alukan oleh rakyat

Sarawak, ini saya ingin tahu. Tetapi adakah benar bahawa satu masalah yang dihadapi oleh industri-industri berdasarkan kepada kayu ialah pembekalan balak yang cukup, yang sesuai, yang stabil dengan harga yang berpatutan. Adakah betul bahawa Sarawak Timber Association beberapa kali sudah membangkitkan perkara ini tanpa jawapan ataupun penyelesaian yang sesuai oleh sebab sekarang Sarawak adalah negeri yang tunggal dan masih mengeksportkan kayu dalam bentuk balak. Dan dengan ini, adakah penyelesaian kepada masalah ini dibuat untuk menarik lebih pelaburan kepada bidang hiliran dalam industri-industri berasaskan kayu. Adakah penyelesaian untuk mengharamkan pengeksportan kayu dalam bentuk balak? Itu soalan pertama.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, saya baru menerima aduan pelabur dari negeri China (Beijing) dia telah melabur berpuluh juta ringgit kepada suatu industri, tetapi akibat daripada undang-undang yang tidak selaras di antara satu negara dengan satu negara lain, jadi perjanjian di antara pelabur China dengan pihak kongsinya daripada Sarawak sendiri belum ditunaikan — sebenarnya telah dipecahkan sehingga ia telah menjadi satu masalah.

Jadi, soalan saya ialah memandangkan bahawa 'China Steel' pun pernah menghadapi masalah yang serupa, apakah perjanjian dua hala di antara Malaysia dengan negeri China yang ada supaya menjamin pulangan untuk pelaburan negara asing, sama ada pelabur asing yang melaburkan wangnya di Malaysia ataupun mengenai pelabur dari Malaysia yang melabur wangnya di negeri luar seperti Cambodia, China, Solomon Island supaya pelaburan ini boleh dijamin pulangannya?

Seorang Ahli: Jangan berdebat!

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang kedua, oleh kerana butir-butir lebih terperinci tidak dibekalkan kepada saya, saya tidak dapat menjawab secara terperinci. Tetapi oleh kerana kedua-dua negara menghargai rombongan ekonomi yang amat baik dan kita pun mempunyai 'Investment Guarantee Agreement'. Kalau Yang Berhormat boleh mengemukakan kes itu secara spesifik kepada saya, saya akan mengkaji perkara itu dan memberi satu jawapan yang lebih terperinci kepada Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

Mengenai bekalan kayu-kayan di Sarawak, saya diberitahu semenjak bulan Julai, tahun 1988 Kerajaan Negeri Sarawak telah mengenakan atau menetapkan kuota terhadap pengeksporan kayu balak, iaitu untuk menjaga bekalan yang mencukupi untuk kegunaan pemerosesan di bidang hiliran. Contohnya dalam tahun 1993, 40% daripada 15 juta cubic metre yang dihasilkan daripada Sarawak diperuntukkan untuk industri tempatan. Saya percaya kalau lebih ramai orang melabur dalam industri hiliran berdasarkan kepada kayu-kayan, Kerajaan Sarawak sudah tentu akan meninggalkan kuota seperti yang saya sebutkan tadi.

PENGGUNAAN KAD KREDIT — JUMLAH PERBELANJAAN

5. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah pemegang kad-kad kredit dalam negara serta menyatakan:

- (a) berapakah jumlah perbelanjaan yang digunakan melalui penggunaan kad kredit; dan
- (b) sejauh manakah usaha mengawal inflasi dapat dibendung dalam keadaan penggunaan kad kredit yang meluas di kalangan masyarakat.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Jun 1994, terdapat kira-kira 1.5 juta pemegang kad kredit di Malaysia dengan jumlah perbelanjaan melalui penggunaan kad kredit dalam tempoh separuh pertama tahun ini ialah sebanyak RM2,476.8 juta.
- (b) Dari segi kesan penggunaan kad kredit terhadap kadar inflasi, adalah dimaklumkan bahawa masalah ini telah ditangani oleh Bank Negara Malaysia melalui garis-garis panduan yang telah dikeluarkan kepada syarikat-syarikat kad kredit semenjak awal tahun 1992. Garis-garis panduan ini mewajibkan pemegang kad kredit hendaklah berumur 21 tahun ke atas, berpendapatan minimum sebanyak RM24,000 setahun dan membuat pembayaran balik bulanan minimum sebanyak 10% daripada jumlah baki yang tertunggak. Melalui garis-garis panduan ini, penggunaan kad kredit secara berleluasa sedikit-sebanyak telah dapat dibendung.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada akhir Jun 1994 tahun ini jumlah pinjaman melalui penggunaan kad kredit hanya merangkumi sebanyak 1.5% sahaja daripada jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan melalui Sistem Perbankan.

Tuan Haji Badruddin bin Amirudin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, setakat hari ini berapa buakkah syarikat-syarikat kad kredit ini yang telah menjalankan perusahaan mereka di Malaysia?

Soalan yang kedua, berapa banyakkah 'default payment' ataupun jumlah 'default payment' yang dialami oleh kad kredit setakat hari ini?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini di dalam negara kita ini mempunyai dua syarikat kad kredit antarabangsa (international), dengan izin, iaitu Master Card International dan Visa Card International yang beroperasi bersama dengan bank-bank yang ada di dalam negara kita ini. Kita mempunyai dua syarikat charge card yang beroperasi dalam negara kita ini, iaitu American Express Sdn. Bhd. dan Diners Club Sdn. Bhd. Jika kita menimbang bilangan berapa buah syarikat kad kredit yang beroperasi dalam negara kita ini, iaitu kita mempunyai sebanyak 16 buah syarikat yang mengeluarkan kad kredit di Malaysia. Daripada jumlah tersebut 14 daripadanya ialah institusi-institusi kewangan iaitu mereka mengeluarkan kad bersama dengan Visa Card, Master Card dan juga sebuah institusi berjadual dan sebuah institusi tidak berjadual.

Tuan Haji Badruddin bin Amirudin: Soalan kedua.

Dato' Loke Yuen Yow: Berapa bilangan 'default payment' saya tidak dapat memberikan 'comment' di sini, saya akan menjawab secara bertulis.

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, tidak adakah setakat ini garis panduan yang diberikan kepada syarikat-syarikat pengeluar kad kredit ini dalam mengira faedah ke atas 'outstanding balance' pengguna kad kredit ini, kerana kita ada mendengar kompelin-kompelin daripada pengguna kad kredit ini, setengah-setengah syarikat kredit ini mengenakan charge ataupun interest yang tidak adil ataupun yang lebih tinggi daripada interest yang dikenakan oleh setengah-setengah pengeluar kad kredit di negara ini.

Yang kedua, saya ingin tahu daripada 16 buah syarikat-syarikat pengeluar kad kredit ini berapakah keperluan modal dibayar bagi membolehkan sebuah syarikat itu mengeluarkan kad kredit?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Bank Negara, kadar faedah yang dikenakan atas pengguna-pengguna kad kredit secara purata, seperti institusi kewangan yang mengeluarkan kad kredit dan mengenakan kadar faedah pada puratanya ialah sebanyak 2% sebulan atau 24% setahun. Sekiranya kadar faedah ini adalah tinggi dan jika kita menerima aduan-aduan yang banyak supaya kadar faedah ini dapat diturunkan, Bank Negara akan menimbang langkah-langkah untuk menurunkan kadar faedah yang berkenaan.

Mengenai modal syarikat-syarikat yang mengeluarkan kad kredit ini, Bank Negara tidak mempunyai garis panduan tetapi pada masa ini syarikat-syarikat yang mengeluarkan kad kredit ini adalah syarikat-syarikat yang beroperasi dengan baik. Jadi, tiada masalah pada masa ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Tuan Maidom P. Pansai.

(Soalan No. 6 — Y.B. Tuan Maidom P. Pansai tidak hadir)

TRAJEDI HELIKOPTER TERHEMPAS DI SUNGAI PETANI — SIASATAN

7. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) sudahkah kajian mengenai helikopter yang terhempas di Sungai Petani yang dalam perjalanan untuk menjemput Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di Perlis dahulu siap dan jika sudah, adakah ia akan dibentangkan kepada umum;

- (b) sila nyatakan sebab-sebab helikopter itu tidak menunggu sahaja Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di Perlis; dan
- (c) adakah TUDM menggunakan helikopter buatan Indonesia. Jika ada berapa buah dan apakah keadaannya memuaskan.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Penyiasatan mengenai nahas helikopter yang terhempas di Sungai Petani, Kedah yang berlaku pada 31hb. Disember, 1993 telah pun siap. Kerajaan telah pun membentangkan kepada umum melalui akhbar-akhbar dan televisyen pada 17hb. Mei, 1994.
- (b) Helikopter berkenaan tidak menunggu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di Perlis disebabkan oleh:
 - (i) Pengkalan TUDM adalah lebih sesuai untuk menempatkan pesawat jika dibandingkan dengan tempat lain dari aspek keselamatan.
 - (ii) Pengkalan TUDM Butterworth merupakan pengkalan helikopter TUDM yang terdekat dan ianya dapat memberikan bantuan kejuruteraan sekiranya diperlukan.
 - (iii) Dari aspek bantuan pentadbiran dan logistik untuk anak kapal dan pesawat seperti penginapan, sajian dan pengangkutan, Pengkalan TUDM Butterworth adalah merupakan tempat yang lebih sesuai dan ekonomik jika dibandingkan dengan tempat-tempat yang lain.

- (c) Helikopter ini merupakan satu-satunya pesawat yang dibeli dari Indonesia hingga ke tarikh ini. Tiada lagi pesawat-pesawat buatan Indonesia yang digunakan dalam TUDM dari jenis dan buatan yang sama.

Dr. Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan sekurang-kurangnya ada tiga siasatan yang dibuat. Satu oleh manufacturer; satu lagi oleh pasukan negara asing yang bebas dan satu lagi ialah siasatan oleh pihak tempatan iaitu kerajaan kita. Adakah ketiga-tiga laporan ini diumumkan kepada orang awam? Kalau tidak, mengapa?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, semua hasil laporan siasatan ini, misalnya daripada Jawatankuasa Penyiasatan Bebas dari Sweden dan juga daripada pengeluar dan daripada Lembaga Penyiasatan TUDM sendiri, semuanya memberikan satu laporan yang hampir sama. Maka oleh sebab itu kita telah membuat kenyataan dan membentangkan laporan Jawatankuasa Penyiasat yang telah kita tubuhkan setebal 800 muka.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, adakah soalan (b) ini mempunyai sangkaan jahat daripada Yang Berhormat Pengkalan Chepa iaitu dia berkehendakkan Timbalan Perdana Menteri terlibat dengan kemalangan. Itu sebab dia suruh duduk di Perlis. Sebab kalau dia duduk di Perlis balik mesti jadi masalah. Oleh kerana dalam budget yang lepas dia kena teruk dengan Menteri Kewangan, jadi, dia bertanyakan soalan ini. Jadi, saya hendak bertanya adakah kita boleh membenarkan soalan yang mempunyai sangkaan jahat memohon orang mati?

Kedua, apakah kerajaan bercadang membeli helikopter yang lebih canggih, sophisticated untuk Perdana Menteri dan juga Timbalan Perdana Menteri. Mungkin kita boleh mendapatkan khidmat nasihat dari U.S. atau mana-mana sebab ini kenderaan untuk pemimpin utama negara saya ingat perlu kepada helikopter dan juga kapal terbang yang tidak patut digunakan untuk tujuan-tujuan biasa.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan bahagian yang pertama itu saya tidak dapat memastikan apakah sebenarnya niat di dalam hati Ahli Yang Berhormat yang membuat soalan ini. Namun kita telah memeriksa dan didapati soalan itu perlu dijawab oleh kementerian untuk pengetahuan Dewan dan umum.

Bagi bahagian yang kedua soalan Yang Berhormat, sebenarnya helikopter ini adalah satu helikopter yang canggih juga tetapi kemalangan ini seperti yang telah diumumkan adalah disebabkan oleh kesilapan manusia. Jadi, oleh sebab itu sama ada kerajaan akan membeli helikopter dan pesawat yang lebih canggih lagi itu terpulanglah kepada keputusan kerajaan oleh kerana pesawat-pesawat yang membawa VIP ini adalah diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan kita hanya menyelenggaranya sahaja. Terima kasih.

**PROJEK PERUMAHAN
TERBENGKALAI — PECAHAN
MENGIKUT NEGERI**

8. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan jumlah projek-projek perumahan yang masih terbengkalai di seluruh negara mengikut pecahan negeri-negeri. Sila nyatakan bilakah projek-projek perumahan yang terbengkalai itu akan siap, mengikut jadual.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan): Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada rekod yang ada pada kementerian ini bilangan projek perumahan yang masih terbengkalai setakat 30hb. Jun, 1994 ialah sebanyak 90 projek.

Pecahan projek mengikut negeri ialah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Projek Terbengkalai</i>
Perlis	4
Kedah	6
Pulau Pinang	9
Perak	11
Selangor	15
Wilayah Persekutuan	3
Negeri Sembilan	9
Melaka	2
Johor	9
Kelantan	6
Terengganu	6
Pahang	10

Kementerian tidak dapat memberi satu jangka masa yang tertentu bila projek-projek tersebut dapat disiapkan ianya bergantung kepada kategori tahap pemulihannya seperti projek baru dikenal pasti, sama ada ia dalam kajian kemungkinan, terbengkalai dan sedia untuk dipulihkan atau projek-projek itu sedang dalam pembinaan.

Untuk makluman tambahan Ahli Yang Berhormat, projek yang terbengkalai yang saya sebutkan tadi itu tidak termasuk projek yang dikategorikan dalam projek yang tidak boleh dipulihkan sama sekali iaitu projek yang ditutup. Jumlah projek yang tidak sesuai dipulihkan ialah

sebanyak 124 projek dan tahap kedudukan projek masih terbengkalai adalah seperti berikut:

Projek masih terbengkalai	— 90
Projek siap dipulihkan semenjak 13hb. Jun, 1989	— 228
Projek tidak sesuai dipulihkan	— 124

Tahap kemajuan projek-projek yang terbengkalai sehingga Jun, 1994 ini adalah seperti berikut:

Projek baru dikenal pasti	— 10
Projek di dalam kajian kemungkinan	— 21
Projek sedia untuk dipulih	— 32
Projek sedang dalam pembinaan	— 27

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bukankah benar bahawa kebanyakan projek-projek perumahan terbengkalai ialah dalam projek perumahan kos rendah khas atau special low cost housing projects yang dilancarkan dalam tahun 1986 bertujuan untuk membina 320,000 unit rumah kos rendah yang pada masa itu dilancarkan oleh Timbalan Perdana Menteri untuk masa tiga tahun mesti dihabiskan dan dalam target itu, mahu membina 320,000 unit rumah kos rendah dan sampai sekarang satu program untuk 3 tahun telah dipanjangkan sehingga tahun depan ialah 1990 untuk 9 tahun dan sampai sekarang kalau saya tidak silap tidak sampai 50% target disiapkan dan saki-bakinya terbengkalai. Adakah Yang Berhormat ada angka-angka mengenai berapa unit sebenarnya disiapkan dan terbengkalai dalam projek khas ini dan berapa akan disempurnakan dan berapa sudah dibuang dan ditutup atau adakah Yang Berhormat perlu rujuk kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan yang mungkin ada maklumat-maklumat oleh kerana Yang Berhormat tidak ada maklumat-maklumat.

Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi telah pun dijawab beberapa kali di dalam Dewan ini dan tidak perlu dijawab lagi. *(Disampuk)*

Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah pembelaan ke atas pembeli-pembeli rumah murah yang terbengkalai. Kita difahamkan

Beberapa Ahli: *(Menyampuk)*

Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din: Jangan ganggu bila saya bercakap. *(Ketawa)* Saya bagi piring baru tahu! *(Ketawa)* Kerana kita dapati kadang-kadang pembeli itu mengeluarkan EPF. Ada yang mengambil pinjaman kerajaan. Jadi, apabila rumah itu terbengkalai, mereka ini kadang-kadang terpaksa membayar balik pinjaman tersebut daripada potongan gaji, tetapi tidak dapat memiliki rumah-rumah tersebut. Jadi, apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi masalah ini. Berapa banyakkah pembeli-pembeli rumah kos rendah ini yang terlibat dalam kes terbengkalai ini?

Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan: Tuan Yang di-Pertua — mahu pergi masuk Kamunting boleh juga! *(Ketawa)* Projek-projek yang terbengkalai, seperti yang saya katakan tadi baru dikenal pasti. Pegawai-pegawai kerajaan atau pembeli-pembeli yang telah menjadi mangsa kepada projek terbengkalai ini mempunyai saluran-saluran yang tertentu untuk mengatasi masalah seperti ini, mengikut contractual obligation di antara pemaju dan pembeli. Tentang langkah-langkah lain yang diambil oleh kementerian untuk mengurangkan kes seperti ini berlaku ialah seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, undang-undang untuk membuka Developers Account 1991 telah pun berjalan, dan kita mendapati sudah

berkurangan projek-projek yang ter-bengkalai. Kalau kita imbas kembali kepada angka-angka yang saya berikan tadi itu, projek yang sedia untuk dipulihkan adalah 32, projek di dalam kajian kemungkinan 21 dan projek baru dikenal pasti hanya 10. Ini menunjukkan ada kemajuan dan ada effect, dengan izin, daripada langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan.

Di samping itu, kementerian juga mengambil langkah-langkah yang lain seperti membuat lawatan untuk memastikan kemajuan fizikal setiap enam bulan supaya projek-projek yang berjalan akan berjalan sehingga habis dibina.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Tuan Wahab bin Suhaili.

Tuan Wahab bin Suhaili: Tuan Yang di-Pertua, pembedaan kepada soalan 9 (b) "adakah kementerian bercadang untuk menambah bilangan lesen kereta sewa khas bagi laluan", yang telah dinyatakan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 9.

LESEN BAGI KERETA SEWA DI BAHAGIAN SAMARAHAN — BILANGAN

9. Tuan Wahab bin Suhaili minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) bilangan lesen bagi kereta sewa khas yang telah diberi oleh Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak kepada pemohon-pemohon bagi laluan Sadong Jaya/Kuching/Sadong Jaya dan Simunjan/Kuching/Simunjan dalam Bahagian Samarahan hingga kini; dan
- (b) adakah kementerian bercadang untuk menambah bilangan lesen kereta sewa khas bagi laluan Simunjan/Kuching/Simunjan dengan pertambahan penduduk atau pengguna yang melalui kawasan tersebut.

Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan lesen bagi kereta sewa yang telah diluluskan oleh Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak di Bahagian Samarahan ialah sebagaimana berikut:
 - (i) laluan Sadong Jaya, Kuching/Sadong Jaya — 40 buah;
 - (ii) laluan Simunjan Serian/Simunjan — 18 buah;
 - (iii) laluan Simunjan/Pasar Batu 7/Muara Tuang — 17 buah;
- (b) Kementerian melalui Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak akan menambah laluan Simunjan/Kuching/Simunjan bila perlu, berdasarkan kepada faktor seperti jika tiada perkhidmatan bas berhenti-henti atau bas ekspres dan adanya permintaan bagi laluan tersebut.

LAWATAN KE CHINA — RASIONAL

10. Datuk Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Penerangan menyatakan apakah rasional lawatan oleh Setiausaha Agung Parti-parti Komponen Barisan Nasional ke China baru-baru ini dan bagaimanakah ia berfaedah untuk negara-negara dan kerajaan, memandangkan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru sahaja melawat China dengan rombongan yang besar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang sama telah saya jawab dalam Dewan ini pada 10hb. November 1994 yang diutarakan oleh Yang Berhormat dari Pasir Puteh. Saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan itu.

Tuan Haji Ishak bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah selepas daripada lawatan Yang Berhormat Menteri Penerangan, pihak-pihak kementerian bercadang untuk membawa masuk filem-filem daripada negeri China yang mana sekarang ini kita telah banyak membawa filem-filem daripada Taiwan dan Hong Kong. Seterusnya adakah selepas daripada ini, kita akan mula menghantar filem-filem kita ke negara China terutama sekali kita sedia maklum bahawa ramai daripada anggota pasukan yang menentang kerajaan dahulu sekarang ini masih berlindung di negara China, untuk makluman kepada mereka ini.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan Malaysia dan Kementerian Penerangan Republik Rakyat China memang ada menganjurkan dari masa ke semasa festival-festival filem. Umpamanya festival filem Malaysia di Beijing dan festival filem China di Kuala Lumpur. Kalau ada pun ini bukanlah hasil daripada lawatan sedemikian. Ianya hasil daripada usaha-usaha yang berlanjutan daripada pihak kementerian sendiri.

Tuan Chian Heng Kai: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya Yang Berhormat sama ada Yang Berhormat Menteri Penerangan apabila beliau balik daripada negeri China adakah beliau disoal siasat oleh pihak polis? *(Ketawa)* Oleh kerana pada masa dahulu jika ada orang pergi negeri China, apabila mereka balik mesti dia ditanya oleh pihak Cawangan Khas, kerana mungkin ia dipengaruhi oleh parti komunis. Jadi, saya mahu tanya adakah Menteri Penerangan disoal siasat oleh pihak polis?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasihlah kepada Yang Berhormat dari Bukit Mertajam. Dalam bahasa

Inggeris it is the classic manifestation of the ignorance of the Opposition. *(Tepuk)* Saya berasa terkejut soalan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam seolah-olah soalan ini divedok dari akhbar-akhbar lama. *(Ketawa)* Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam tidak mengikuti perkembangan dasar dalam negara kita, dan dasar itu adalah dasar out-of-date. Kita sekarang ini mempunyai perhubungan yang cukup erat dengan negara China. Saya percaya pengeratan ini akan berterusan dan akan memberi manfaat bukan sahaja kepada kawasan nusantara ini, malahan kepada seluruh dunia.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, kalau ada pun hendak jawab sama ada Menteri disiasat, tidak ada, sebab reputation Menteri orang kenal baik. Tetapi kalau Yang Berhormat dari Bukit Mertajam pergi, oleh kerana kita tahu reputation dia tidak baik, memang jahat. Jadi kita mungkin siasat, tak tahulah!

AKTA PENGAMBILAN TANAH — KUASA MEMINDA DAN MEMANSUH

11. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan sama ada pihak Kerajaan Negeri bercadang memansuhkan pindaan 1991 ke atas Akta Pengambilalihan Tanah yang telah menganiayai tuan punya tanah dengan merampas tanah sesuka hati untuk projek yang tidak memanfaatkan kepentingan awam tetapi hanya menguntungkan seorang dua sahaja. Sila nyatakan keluasan tanah yang diambil dan jumlah tuan punya yang terlibat sejak pindaan ke atas Akta ini diluluskan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dato' Mohd. Noh bin Rajab): Tuan Yang di-Pertua, kuasa meminda dan memansuhkan mana-mana peruntukan di dalam Akta Pengambilan Tanah adalah di

bawah bidang kuasa Parlimen dan bukannya di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Tanah-tanah bermilik diambil balik oleh Kerajaan-kerajaan Negeri mengikut proses yang ditetapkan oleh undang-undang. Ia tidak dirampas oleh Kerajaan Negeri. Semua tanah yang diambil oleh Kerajaan Negeri pada akhirnya dapat memberi manfaat kepada rakyat. Sehingga kini, mengikut maklumat yang diterima tanah yang telah diambil oleh Pihak Berkuasa Negeri di bawah seksyen 3B Akta Pengambilan Tanah 1960 adalah 3,062.4718 hektar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan peruntukan ini.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu, adakah kementerian sedar bahawa selalunya apabila pengambilan tanah ini tidak ada tentangan daripada pihak yang berkenaan tetapi selepas dihasut oleh Ahli Yang Berhormat seperti dari Nilam Puri apa semua ini, barulah kita menghadapi tentangan.

Jadi, saya ingin tahu, adakah kesemua pengambilan ini mendapat tentangan?

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya apabila Kerajaan Negeri mengambil balik tanah hakmilik ini, tuan tanah tidak memberi tentangan. Kalaupun mereka tidak bersetuju ialah tentang harga atau nilai pampasan sahaja. Dan ini pihak kerajaan memberi kelonggaran, kalau tidak puas hati boleh merujuk kepada undang-undang — mahkamah supaya satu penilaian boleh dibuat yang tidak merugikan mana-mana pihak. Yang menentang kemudiannya, satu dua orang — saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat tadi itu adalah kerana dihasut oleh pihak-pihak yang mempunyai niat supaya

kerajaan yang memerintah hari ini tidak dapat membuat pembangunan untuk orang ramai. Nampaknya macam mereka mempunyai niat yang baik, tetapi sebenarnya hakikat mereka adalah jahat.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan soalan yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ini mempunyai perkataan macam 'merampas tanah sesuka hati', maka saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sejak pindaan 1991 dibuat kepada Akta Pengambilan Tanah ini, adakah pihak kementerian pernah menerima sebarang aduan atau beberapa aduan mengenai perampasan tanah tanpa membayar pampasan yang adil oleh pihak-pihak yang berkuasa? Ini soalan yang pertama.

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua, jika kita meneliti Akta Pengambilan Tanah ini memang kerajaan berhak untuk mengambil tanah bagi projek ataupun lain-lain kepentingan awam. Saya ingin bertanya jika sebab Akta ini hanya mempunyai peruntukan dari segi pampasan, kalau orang yang terkilan tidak puas hati maka beliau dapat merayu atau memohon kepada Mahkamah Tinggi supaya pampasan yang adil dapat diberikan. Saya ingin bertanya, jika pihak yang terkilan ini berpendapat bahawa tanah dia hanya diambil tanpa dengan sebab-sebab munasabah, macam mana orang yang terkilan tersebut ini dapat merayu kepada siapa?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta jawapan pendek sahaja, tidak ada masa.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, tidak ada tanah yang diambil balik oleh kerajaan tanpa sebab. Ataupun untuk satu tujuan yang berniat jahat. Dan untuk membela nasib rakyat

yang mempunyai tanah yang mungkin diambil balik oleh kerajaan, sebelum kerajaan menawar satu-satu jumlah pampasan itu, satu rujukan telah dibuat dahulu kepada penilai kerajaan di bawah Kementerian Kewangan. Apabila satu jumlah berdasarkan satu penilaian yang adil telah dapat diterima daripada Jabatan Penilaian Kementerian Kewangan ini, barulah satu-satu angka itu ditawarkan. Dan sekiranya, pihak yang terlibat masih lagi tidak berpuas hati, maka selepas itulah mereka boleh mendapatkan pembelaan undang-undang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa untuk Jawab Mulut sudah cukup.

Tuan Lim Guan Eng: *(Berucap tanpa rakaman pembesar suara)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa sudah cukup Yang Berhormat, saya boleh beri tetapi masa tak ada.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 6 dan 12 hingga 30 adalah dijilid dalam buku berasingan)

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

**Pendirian Kerajaan Malaysia
Terhadap Pergerakan Rakyat
Timor-Timur Menentang
Penaklukan Indonesia**

3.35 ptg.

Tuan Wong Wing On (Kampar):
(Bangun)

Tuan Shahidan bin Kassim:
(Bangun)

Tuan Wong Wing On: Arau duduk, saya dahulu.

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli Yang Berhormat dari Arau, point of order yang ke berapa?

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order 18 (2). 18 (2) terang menunjukkan bahawa saya perlu menghantar sekurang-kurangnya empat jam sebelum persidangan dimulakan. Dia tak sebut pada hari tersebut ataupun bila. Saya hantar semalam dan saya hantar sekali lagi pada pagi ini tetapi malangnya sahabat kita ini dia hantar pukul 7.30 pagi, saya hantar pada pukul 8.00 pagi. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua, sila tengok *Hansard* yang semalam, saya ada menyebut di sini: "Bolehkah saya anggap ini boleh dibawa pada hari esok?"; Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) berkata: "Boleh!". Jadi, bagaimanakah saya yang menghantar pada pukul 3.35 petang semalam dan saya pergi sekali lagi ke Pejabat Tuan Speaker, saya masuk sekali lagi dan saya minta dia cop. Dia terima pada pukul 4.00 petang. *(Disampuk)*

Jadi, point of order 18 (2) saya betul. Kemudian saya hantar saya ingat 12 jam lebih awal daripada Ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya bukan hendak lawan Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan, bagaimana ini boleh terjadi, apakah syarat yang

membolehkan Usul ini untuk dibawa — Usul saya untuk merujuk beberapa orang Ahli Parlimen di sini yang saya kira membuat aktiviti-aktiviti non-patriotic termasuk Ahli dari Bandar Kuching, Ahli dari Gua Musang dan juga beberapa surat layang dan gambar lucah yang saya terima di Parlimen ini, Tuan Yang di-Pertua. Dengan itu, termasuk juga Ahli dari Bukit Bintang semuanya

Beberapa Ahli DAP: (Menyampuk)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat!

Tuan Shahidan bin Kassim: Nanti, saya ini point of order, saya belum habis lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Arau, saya akan buat keputusan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan bagaimana ini boleh terjadi? Dan adakah ini merupakan peraturan, dan pada hari tersebut adakah kita hendak kira pukul 8.00 pagi ke atas ataupun pukul 7.00 pagi. Jika pukul 7.00 pagi di mana saya hendak hantar? Saya datang pada pukul 7.30 pagi tadi, saya tak tahu di mana hendak hantar, pejabat belum dibuka lagi. Pukul 8.00 pagi pun saya hantar saya jumpa Tan Sri di Kantin. Jadi, di mana saya harus hantar?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya akan memberi penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ya!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Mengikut Peraturan Mesyuarat 18 (5) hanya satu Usul yang dapat dibenarkan pada hari Mesyuarat. Dan kita menimbang Usul yang datang dahulu, Yang Berhormat. Dan mengikut praktiknya, Usul itu harus

dihantar pada hari yang dikehendaki, bukan hari sebelumnya. Jadi, mengikut rekod yang kita ada, saya menerima Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 ini permohonan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kampar pada pukul 7.35 pagi. (*Disampuk*) Dan daripada Ahli Yang Berhormat dari Arau pada pukul 8.05 pagi. Berertinya Usul yang datang dahulu kita hendak dahulukan. Dan saya harap semua pihak akan menerima perkara ini, ini adalah keputusan muktamad daripada saya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang ke berapa Yang Berhormat?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua semalam mengatakan boleh dibawa.

Seorang Ahli DAP: Nombor apa?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya baca dalam *Hansard*.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, saya ingin menjelaskan dalam hal seperti ini

Seorang Ahli DAP: Itu Ong Tee Keat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Nantilah dahulu! Saya point of order, you jangan kurang ajar! Tuan Yang di-Pertua, saya point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kota Melaka.

Tuan Lim Guan Eng: (Bangun)

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: You duduk dahulu.

Seorang Ahli DAP: (Menyampuk)

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu diganggu dalam masa percakapan saya ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tidak mengapalah, saya ingin menjelaskan Yang Berhormat, apa yang tercatat di dalam *Hansard*, bukan maknanya bahawa Usul itu tidak harus dihantar pada hari yang berkenaan. Harus dihantar secara bertulis. Kita tidak boleh mengatakan bahawa kita terima begitu sahaja, harus dihantar mengikut Peraturan Mesyuarat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya tidak tahu di mana keadilan? Terima kasih.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, point or order 18 (2).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya hendak bertanya Yang Berhormat, pada hari persidangan bermula pada pukul berapa? Adakah bermula selepas pukul 12.00 tengah malam ataupun mula waktu pejabat pukul 8.00 pagi. Kenapa dia diterima pada pukul 7.30 pagi, dihantar kepada siapa? Saya masuk waktu pejabat, saya datang pada pukul 7.30 pagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, persidangan kita bermula pada pukul 2.30 petang. Tetapi kita ada orang yang tertentu untuk menerima Usul itu.

Tuan Shahidan bin Kassim: Di mana Tuan Yang di-Pertua? Senang saya beritahu. Dekat guard di sanakah atau di mana?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dihantar kepada Pejabat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Shahidan bin Kassim: Pejabat itu ditutup, pukul 7.30 pagi, pukul 8.00 pagi tak ada orang. Saya datang! Dia itu beri kepada siapa, saya tak tahu! Dekat hantu?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ini adalah keputusan Tuan Yang di-Pertua. Saya minta kerjasama Yang Berhormat ya!

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan apa. Saya tidak mahu melawan Tuan Yang di-Pertua — tidak. Taubat sekali takkan lawan. (*Ketawa*) Betul. Dengan Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan lawan — betul! Cuma minta penjelasan, adakah kita hendak kira pukul 8.00 ataupun pukul 7.00 ataupun pukul 12.00. Saya hendak minta peraturan itu. Saya tengok dua, tiga kali DAP masuk pukul 7.30. Dia hantar dekat siapa? Saya datang 7.30 tidak ada orang. Pukul 8.00 pun tidak ada orang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya terpaksa pergi kantin. Jadi, ini saya hendak minta penjelasan. Saya minta maaf kepada Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri. jangan. Nanti saya kena gam pula. Baru-baru ini saya kena gam dengan RTM.

Seorang Ahli: Special Branchkah?

Tuan Shahidan bin Kassim: Jadi, saya tidak mahu kena gam tidak tentu pasal.

Seorang Ahli: Dia ada Special Branch.

Tuan Shahidan bin Kassim: Jadi, saya hendak minta penjelasan. Lain kali, esok, hari Isnin ini saya hendak bawa sekali lagi. Saya takkan berhenti bawa. Sudah tiga hari saya bawa, saya gagal. Jadi, saya tidak tahu peraturan mana yang saya hendak masuk sekarang. Saya hendak tanya, adakah pukul 8.00 pagi ataupun selepas pukul 12.00 tengah malam ini dikira pada hari esok?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta duduk ya. Sidang Parlimen seperti biasa kita tahu bermula jam 2.30 tetapi pejabat Parlimen ini dibuka pagi. Ada orang-orang tertentu seperti Setiausaha Sulit kepada Yang Berhormat Yang di-Pertua duduk di pejabat untuk menerima surat-surat berkenaan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, dia datang 7.30

Tuan Wong Wing On: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat sudah cukuplah ini.

Tuan Shahidan bin Kassim: . . . saya datang pukul 8.00. Pagi, pukul berapa Tuan Yang di-Pertua? Saya hendak tanya yang itu sahaja?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya mintalah Yang Berhormat. Keputusan sudah dibuat. Saya sudah memberi penjelasan lebih daripada yang sepatutnya ya.

Tuan Wong Wing On: Timor-Timur dia

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, minta teruskan Yang Berhormat.

Tuan Wong Wing On: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli DAP: Mahu main-main sahaja. Dia mahu tidur sahaja.

Tuan Wong Wing On: Terlebih dahulu saya beri dua ingatan kepada Araulah. Sekarang ada sejenis alat yang dipanggil 'fax' tahu — yang canggih. Dengan 'fax' boleh hantarlah. Yang kedua, jangan lepak-lepak

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, dia patut baca Usul. Dia bukan boleh bercakap dengan saya. Saya minta supaya Usulnya dikeluarkan dan

tidak dibenarkan sebab dia bangun, dia bercakap dengan saya, bukan dia bercakap fasal Usul, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Kampar diminta kemukakan Usul.

Tuan Shahidan bin Kassim: Dan saya pada saat ini pun saya pertikaikan dia hantar fax dekat siapa pukul 7.30, saya hendak tanya?

Tuan Wong Wing On: Tidak apalah.

Tuan Shahidan bin Kassim: Apa hak dia diterima 7.30? Pejabat start pukul 8.00.

Tuan Wong Wing On: Saya baca ya, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, diminta teruskan.

Seorang Ahli: Duduk, duduk

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Mesyuarat kita telah tergendala selama tujuh minit. *(Disampuk)*

Tuan Wong Wing On: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Terus kepada Usul.

Tuan Wong Wing On: Tuan Yang di-Pertua, di bawah peraturan Majlis Mesyuarat 18 (2), dengan ini diberi notis bahawa saya, Ahli Parlimen DAP kawasan Kampar, Encik Wong Wing On, ingin mengusulkan bahawa Majlis Dewan ditangguhkan untuk merundingkan satu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan iaitu tercetusnya baru-baru ini

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, point of order. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Apa dia Yang Berhormat?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya hendak minta bukti yang membuktikan bahawa Usul dari Ahli DAP benar-benar sampai ke pejabat Parlimen pukul 7.30. Saya minta bukti yang sah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Yang Berhormat

Tuan Wong Wing On: Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan. Ini point of order tidak

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya tidak dapat terima persoalan itu, Yang Berhormat. Kita ini orang-orang yang berkelayakan duduk di sini dan harus Yang Berhormat terima keputusan yang kita berikan, tidak lebih daripada itu untuk tidak menyelewengkan masa.

Seorang Ahli DAP: Duduk, duduklah.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tidak, Tuan Yang di-Pertua. Kita menerima keputusan dengan dada yang terbuka, dengan niat yang baik tetapi saya minta kalau boleh, adakah bukti-bukti yang menunjukkan bahawa Usul dari Ahli dari Pembangkang ini sampai pukul 7.30 pagi oleh kerana pejabat buka pukul 8.00.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat hendak bukti, insya-Allah kita akan beri. Yang Berhormat datang ke pejabat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, teruskan. Saya minta tidak ada gangguan lagi.

Tuan Wong Wing On: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ulang sekali lagi. Di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 18 (2), dengan ini diberi notis bahawa saya, Ahli Parlimen DAP kawasan Kampar, Wong Wing On, ingin mengusulkan bahawa Majlis Dewan ditangguhkan untuk merundingkan satu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan iaitu tercetusnya baru-baru ini pergerakan rakyat di Timor-Timur ataupun, dengan izin, East Timor menentang penaklukan Indonesia dan pendirian Kerajaan Malaysia terhadapnya. Usul saya berbunyi:

“Bahawa Dewan Rakyat Malaysia yang mulai ini mengizinkan Ahli Parlimen DAP kawasan Kampar, mengikut Peraturan Majlis 18 (1) menangguhkan Majlis Dewan ini untuk membentangkan satu Usul tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang dikehendaki disegerakan berhubung dengan pendirian Kerajaan Malaysia terhadap tercetusnya baru-baru ini Pergerakan Rakyat Timor-Timur (East Timor) menentang penaklukan Indonesia yang tidak sah dari segi undang-undang antarabangsa dan tidak diiktirafkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (United Nations) atas sebab-sebab berikut:

Semasa sidang kemuncak APEC diadakan di Jakarta beberapa hari yang lalu, rakyat dan penuntut-penuntut Timor-Timur mengadakan tunjuk perasaan besar-besaran untuk menanda

Tuan Shahidan bin Kassim: Minta penjelasan. (*Ketawa*) Bolehkah?

Tuan Wong Wing On: Mana boleh? Ini kelab BBCKah?

Tuan Shahidan bin Kassim: Dalam Peraturan Mesyuarat saya dibenarkan minta penjelasan, boleh?

Tuan Wong Wing On: . . . untuk menentang penaklukan Indonesia yang berterusan

Tuan Shahidan bin Kassim: Boleh tak?

Tuan Wong Wing On: . . . dan saya difahamkan bahawa pergerakan tersebut

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat

Tuan Shahidan bin Kassim: Apa Timor-Timur untuk kepentingan orang ramai ini? Apalah Rugi masa, rugi masalah.

Tuan Wong Wing On: . . . masih berjalan di Timor-Timur walaupun Indonesia cuba sedaya-upaya untuk memintaskannya dengan cara-cara

Tuan Lau Dak Kee: (*Menyampuk*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Minta Bohsia Ipoh ini jangan ganggu saya.

Tuan Wong Wing On: . . . yang mencabar hak asasi manusia termasuk penahanan penduduk-penduduk Timor-Timur tanpa bicara. Kejadian tersebut merupakan usaha terbaru rakyat Timor-Timur untuk menamatkan penaklukan Indonesia sejak tahun 1975

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan

Tuan Wong Wing On: . . . yang tidak sah dari segi undang-undang antarabangsa

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Wong Wing On: . . . dan seterusnya tidak diiktirafkan oleh

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, dia tidak beri.

Tuan Wong Wing On: . . Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (United Nations)

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

Tuan Wong Wing On: . . . sehingga hari ini.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya tidak tahu macam mana masalah Timor-Timur ini berkenaan dengan rakyat Malaysia?

Tuan Wong Wing On: Sabarlah. Dengarlah. Guna telinga dengar. Teruskan

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tidak relevan langsung, Tuan Yang di-Pertua. Ini menghabiskan masa Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sila duduk.

Tuan Wong Wing On: Tindakan Indonesia untuk terus menakluk Timor-Timur dan terus mencabuli

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sila duduk ya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tidak relevan dalam perbincangan ini.

Tuan Wong Wing On: . . . dan terus mencabuli hak asasi manusia rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Wong Wing On: Ya, saya teruskan.

“Tindakan Indonesia untuk terus menakluki Timor-Timur dan terus mencabuli hak-hak asasi manusia rakyat Timor-Timur merupakan satu cabaran moral yang jelas terhadap imej, integriti dan nama baik ASEAN dan Non-Align Movement, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan Malaysia yang menjadi ahli-pertubuhan-pertubuhan tersebut.

Oleh kerana Malaysia pernah dan masih mengambil pendirian yang tegas dan lantang di atas isu pendirian rakyat Bosnia-Herzegovina akibat daripada kezaliman dan penaklukan penganas Serb dan juga di atas isu-isu lain yang melibatkan prinsip hak negara-negara kecil dan bangsa-bangsa tertindas, maka pendirian Kerajaan Malaysia yang membela Indonesia di atas isu Timor-Timur merupakan satu kelakuan double-standard dan nama baik serta imej Malaysia dan orang ramai Malaysia akan terjejas.

Tuan Shahidan bin Kassim:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sudahlah. Minta diteruskan, Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Ya, duduk.

Tuan Wong Wing On: Demi menjaga nama baik dan imej Malaysia sebagai sebuah negara yang berani menentang segala kezaliman dan pencabulan hak-hak negara kecil dan bangsa-bangsa tertindas.

Tuan Shahidan bin Kassim:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, minta diteruskan. Saya akan buat ruling.

Tuan Wong Wing On: . . . dan supaya Malaysia tidak akan disifatkan oleh mana-mana pihak sebagai sebuah negara yang tidak konsisten di atas dasar-dasar luarnya atau sebuah negara yang mengamalkan double standard.

Maka, Dewan Rakyat Malaysia yang mulia ini hendaklah mengambil pendirian yang tegas dan lantang untuk:

- (i) Menyeru supaya semua unit-unit bersenjata dan jentera-jentera penaklukan Indonesia ditarik balik dari Timor-Timur dan supaya Timor-Timur diserahkan kepada kuasa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sehingga satu pungutan suara atau referendum yang tulen dan bebas diadakan di bawah penyeliaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk menentukan sama ada rakyat Timor-Timur mahukan kemerdekaan ataupun indekrasi dengan Indonesia;
- (ii) Menyeru supaya semua tahanan-tahanan politik di Timor-Timur termasuk Encik Xanana Gasmawo dibebaskan tanpa syarat dengan serta-merta. Perkara ini hendaklah disegerakan kerana penentangan rakyat Timor-Timur terhadap kezaliman dan penaklukan Indonesia semakin menjadi isu antarabangsa dan semakin mendapat sokongan yang kuat dari masyarakat antarabangsa yang mencintai keadilan dan sekiranya Malaysia tidak mengambil pendirian yang tegas dan lantang, kita akan disifatkan sebagai hipokrit politik. Sekian, terima kasih. Hidup Timor-Timur!
(Tepuk)

Beberapa Ahli: Boo!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) daripada Yang Berhormat Ahli Parlimen dari kawasan Kampar pada 17 November 1994, jam 7.35 pagi. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bahawa perkara itu bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini tertentu dan ia adalah bagi kepentingan orang ramai

Seorang Ahli: Tetapi ! *(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Walau bagaimanapun, saya berpendapat perkara ini tidak perlu disegerakan sehingga menangguhkan persidangan Dewan hari ini kerana perkara ini adalah mengenai urusan dalaman sebuah negara lain yang mempunyai hubungan baik dengan negara kita. Kita tidak patut campur tangan dalam urusan negara itu.

Selain dari itu, Malaysia telah menyokong penuh pendirian bahawa Timor-Timur sudah pun menjadi sebahagian daripada wilayah Republik Indonesia melalui proses integrasi yang telah pun dijalankan dalam tahun 1996. Usul itu dengan ini ditolak.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1995

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1995

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Rang Undang-undang Perbekalan 1995 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

"Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada Ringgit Malaysia Empat Belas Bilion, Empat Ratus Dua Juta, Sembilan Ratus Enam Puluh Enam Ribu dan Tujuh Ratus (RM14,402,966,700) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1995, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau 'P' dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1995 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 17 Tahun 1994, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut". *(16hb. November, 1994)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta sambung Kementerian Pendidikan.

3.53 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Leo Michael Toyad): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Jerai telah menimbulkan mengenai isu kemasukan kanak-kanak luar bandar yang mendapat 4A dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah sekolah dan masuk ke sekolah yang berasrama penuh. Kementerian Pendidikan memang memberi keutamaan kepada pelajar-pelajar luar bandar, istimewanya pelajar-pelajar yang termiskin. Walau bagaimanapun, bilangan tempat di sekolah-sekolah berasrama penuh kita yang berkenaan pada masa kini adalah masih terhad.

Berhubung dengan pemberian komputer, Kementerian Pendidikan tidak mengagihkan sebarang komputer ke sekolah kecuali di 60 buah sekolah yang dijalankan kajian perintis yang meliputi negeri-negeri seluruh Malaysia.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sekejap. Hendak minta jalan Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa diberi keutamaan kepada kelulusan 4A daripada luar bandar. Namun demikian, Yang Berhormat juga ada mengatakan tempat itu amat terhad. Adakah Yang Berhormat bercadang, daripada kumpulan ataupun jumlah yang terhad itu, satu peratusan tertentu dihadkan atau dikhususkan kepada pelajar-pelajar luar bandar yang dapat 4A ini?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemasukan ke sekolah berasrama penuh bagi lepasan UPSR ini

adalah dibahagikan kepada dua golongan di mana keputusan-keputusan yang cemerlang tidak mengira dari sekolah dan daerah dan golongan yang kedua ialah khususnya sekolah-sekolah yang ditetapkan di peringkat negeri dan daerah, khusus untuk pelajar-pelajar yang berpotensi walaupun tidak sampai 4A, tetapi dimasukkan ke asrama penuh khusus kerana sebab latar belakang seperti latar belakang sosial yang tersebut.

Mengenai cadangan Yang Berhormat juga

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Jerai bangun Yang Berhormat.

Dr. Leo Michael Toyad: Untuk mempercepatkan pembayaran biasiswa pelajar-pelajar di luar negara, adalah menjadi amalan kerajaan membayar biasiswa seberapa segera kepada pelajar-pelajar tajaannya, malahan pelajar-pelajar baru di luar negara mendapat pembayaran sekaligus bagi tiga bulan yang pertama.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Jerai bangun.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya ingin merujuk balik kepada UPSR ini. Bolehkah kementerian memberi satu kelonggaran ataupun dengan izin, special permission supaya penuntut-penuntut di sekolah luar bandar yang mendapat keputusan yang cemerlang ini diambil terus untuk dimasukkan ke sekolah-sekolah berasrama penuh? Kerana kalau Yang Berhormat mengatakan tempat berkurangan, saya dapati bahawa kalau peluang diberi, kerana hari ini kita dapat lihat penuntut-penuntut yang di bandar pun duduk di sekolah berasrama penuh,

sedangkan rumah mereka ini tidak jauh daripada tempat sekolah itu. Oleh yang demikian, saya mencadangkan, di atas keinsafan bahawa masyarakat di luar bandar ini memerlukan kemudahan yang lebih baik untuk kepentingan mereka di masa hadapan, saya minta kalau boleh Kementerian Pendidikan memberikan special case kepada penuntut-penuntut di luar bandar yang mendapat 4A — kecemerlangan dalam peperiksaan UPSR.

Satu lagi berkenaan dengan biasiswa untuk penuntut-penuntut di luar negara kita. Saya telah melawat beberapa buah universiti dan saya mendapati bahawa banyak students ini merungut. Pertama-nya, pegawai-pegawai pendidikan yang bekerja di luar itu untuk melihat kebajikan penuntut-penuntut ini kadang-kadang gagal menjalankan tanggungjawab mereka. Kadang-kadang apabila penuntut ini mengemukakan sesuatu masalah, berbagai-bagai masalah pula mereka mengemukakan kepada penuntut-penuntut ini untuk penuntut-penuntut ini cuba menyelesaikan.

Jadi, ini adalah masalah mereka sebagai pegawai kerajaan. Biasiswa ini kadang-kadang diberi tidak mencukupi. Kalau boleh saya minta, macam penuntut yang belajar di India, biasiswa untuk membeli buku itu tidak sama dengan penuntut yang belajar di UK. Jadi, buku-buku di India itu adalah buku yang kelas dan mutunya terlalu rendah. Jadi, boleh tak kita selaraskan? Selaraskan, kalau jurusan kedoktoran, selaraskan biasiswa untuk pembelian buku dan sebagainya dengan penuntut-penuntut di UK supaya mereka ini — walau bagaimanapun, mereka terpaksa membayar balik biasiswa atau pinjaman ini kepada kerajaan.

Dr. Leo Michael Toyad: Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Jerai atas keprihatinan Yang Berhormat dalam masalah pelajar kita di luar negeri.

Sebenarnya, mengenai pelajar-pelajar kita di luar negeri, memang kita merujuk kembali nilai-nilai biasiswa yang didapati oleh pelajar-pelajar dan ini adalah dibuat mengikut kadar-kadar yang telah ditetapkan dari pihak Jabatan atau JPA, central agency dan kita juga membandingkan dengan indeks-indeks keperluan di negara-negara tertentu.

Mengenai kekurangan perbelanjaan buku-buku ini, saya akan mengambil perhatian dan kalau perlu akan membuat siasatan atas apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi.

Mengenai pegawai-pegawai kita di luar negara itu, memang kita setuju ada juga pegawai-pegawai yang lalai dalam usaha mereka untuk mengambil tindakan atas permohonan atau keperluan-keperluan pelajar-pelajar kita dan kita sekarang ini juga telah mengkaji semula pegawai-pegawai dalam proses penukaran pada masa kini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, mengenai sekolah berasrama penuh ini, saya nyatakan kepada Yang Berhormat dari Rompin tadi bahawa ada dua golongan. Ingin saya jelaskan di sini bahawa ada 5 buah sekolah berasrama penuh di negara kita yang khusus untuk pelajar-pelajar yang telah mencapai kecemerlangan dari semua negeri tidak kira kawasan dan sekolah.

Golongan yang kedua yang saya katakan tadi, ialah untuk pelajar-pelajar yang mempunyai latar belakang yang serba kekurangan dan juga dari luar bandar. Ini termasuk juga di mana kawasan tidak berasrama penuh, kita juga mengadakan asrama desa, di mana pelajar-pelajar kita diberi tempat untuk belajar dan juga untuk mengatasi masalah-masalah yang di luar dari bidang pendidikan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat dari Kuala Kedah untuk mengkaji semula KBSR, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KBSR telah pun disemak semula dan perlaksanaan bermula pada sesi persekolahan 1994/1995 yang dijalankan secara berperingkat-peringkat. Penekanan kepada sains dan teknologi telah diambil kira dengan pengenalan mata pelajaran sains pada Tahap II pada sekolah rendah, iaitu mulai Tahun 4. Sementara itu, unsur-unsur sains diajarkan pada Tahap I dalam semua mata pelajaran secara merentas kurikulum.

Mengenai isu penempatan guru besar di sekolah-sekolah luar bandar yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pagoh, Kementerian Pendidikan sentiasa cuba mengatasi masalah tersebut. Walau bagaimanapun, penempatan ini bergantung kepada calon yang berkecukupan dan yang bersedia untuk berkhidmat di luar bandar.

Mengenai isu kekurangan guru yang mahir dalam mata pelajaran Sains dan Matematik, cadangan Yang Berhormat adalah sehaluan dengan usaha Kementerian Pendidikan. Untuk mengatasi kekurangan guru Sains dan Matematik, Kementerian Pendidikan mengambil beberapa langkah-langkah. Antaranya ialah menambah bilangan guru pelatih, mengadakan Kursus Dalam Perkhidmatan, melantik dan menempatkan guru-guru pakar dan akhir sekali mengambil guru-guru yang bersara wajib dalam bidang tersebut untuk bertugas semula.

Yang Berhormat dari Muar dan Yang Berhormat dari Kuala Langat telah menyentuh mengenai pendekatan terhadap sistem pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Untuk makluman, Kementerian Pendidikan tidak pernah mengabaikan murid-murid yang kurang cerdas. Kita mengadakan kelas pemulihan yang diadakan untuk membantu mereka untuk

meningkatkan prestasi mereka dalam pelajaran. Jadi, di samping berusaha untuk meningkatkan kualiti pendidikan, Kementerian Pendidikan tidak pernah mengabaikan aspek pembentukan sahsiah pelajar untuk menjadi insan yang berketrampilan melalui kurikulum KBSR dan KBSM kita.

Yang Berhormat dari Selangau juga telah mengemukakan beberapa perkara yang spesifik mengenai sekolah-sekolah di luar bandar dan kita akan mengambil perhatian dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha pemulihan telah pun dimulai pada penghujung tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah yang saya dapat jelaskan mengenai perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan program dan aktiviti Kementerian Pendidikan. Saya menyedari ada lagi beberapa isu yang telah tidak sempat saya jawabkan di sini dan kita akan ambil perhatian yang sewajarnya dan dengan itu sekali lagi saya mengucapkan terima kasih atas rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan, teguran dan pandangan yang membina kepada Kementerian Pendidikan.

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kementerian Pertahanan.

4.03 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sibu, dari Jelebu dan juga Ahli Yang Berhormat dari Serian yang telah membahaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang Kementerian Pertahanan.

Mengenai perkara yang ditimbulkan oleh wakil dari Sibu berkaitan dengan cadangan supaya mewajibkan latihan ketenteraan pada golongan muda, kerajaan belum bercadang untuk melaksanakan perkara berkenaan. Namun demikian, kerajaan telah mengadakan beberapa program untuk meningkatkan rasa cintakan negara dan menanam semangat muhibah dan berpasukan di kalangan generasi muda.

Secara khususnya, Kementerian Pertahanan mempunyai program menggalakkan golongan belia untuk turut menyertai sebagai anggota sukarela dalam pasukan-pasukan simpanan Angkatan Tentera Malaysia. Terutamanya dari kalangan mereka yang berada di institusi-institusi pengajian tinggi dan institusi latihan kemahiran seluruh negara.

Selain dari itu, Kementerian Pertahanan juga turut terlibat secara langsung dalam program-program berpasukan dan berpakaian seragam yang dikelolakan oleh lain-lain agensi kerajaan seperti program Pasukan Kadet di sekolah-sekolah yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan, program Pasukan Briged Muda anjuran Kementerian Belia dan Sukan serta Pasukan Latihan Pegawai Sukarela di pusat pengajian tinggi.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat dari Sibu juga supaya gaji anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dinaikkan dalam usaha menarik minat golongan muda memasuki tentera, Kementerian Pertahanan sentiasa prihatin di atas masalah berkenaan dan sentiasa ingin menjaga kebajikan anggota-anggota tentera. Sehubungan dengan ini kementerian sentiasa berusaha mencari langkah-langkah positif untuk memenuhi keperluan-keperluan ATM sejajar dengan hasrat untuk menarik minat golongan muda supaya memasuki angkatan bersenjata.

Dalam pada itu, adalah dimaklumkan bahawa faktor kenaikan gaji bagi anggota-anggota ATM hanyalah merupakan salah satu daripada daya penarik kepada golongan muda untuk berkhidmat di dalam angkatan Tentera. Langkah-langkah lain yang telah dan sedang diambil untuk menangani perkara ini adalah:

- (i) mengkaji dan memperbaiki syarat-syarat perkhidmatan anggota tentera Malaysia sesuai dengan kehendak semasa;
- (ii) menyemak semula skim gaji, elaun dan kemudahan asas supaya ianya seimbang dengan keperluan taraf hidup sekarang;
- (iii) menaikkan imej dan kegemilangan profesion ketenteraan menerusi publisiti di media massa dan elektronik;
- (iv) meningkatkan status ATM sejajar dengan kedudukannya sebagai perkhidmatan yang unggul di dalam perkhidmatan awam.

Untuk makluman Dewan, gaji anggota tentera telah pun dinaikkan mulai 1hb. Januari, 1992 selaras dengan keputusan kerajaan memperkenalkan Sistem Saraan Baru bagi Perkhidmatan Awam.

Tuan Yang di-Pertua, wakil dari Serian telah membangkitkan masalah rumah untuk keluarga mendiang Koperal Ghani yang telah terkorban semasa berkhidmat di Somalia di bawah misi PBB pada 18hb. Julai, 1994. Kerajaan memang sentiasa mengambil berat mengenai perkara tersebut. Kementerian Pertahanan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sarawak telah bersetuju untuk membina sebuah rumah keluarga mendiang di Kampung Koran Mawang, Serian, Sarawak di atas tanah komuniti Iban. Rumah tersebut berharga lebih kurang RM35 ribu. Markas Satu Divisyen di Kuching telah diarah supaya mengelolakan pembinaan rumah ber-

kenaan seperti meratakan tanah tapak dan membina rumah berkenaan. Manakala Kerajaan Negeri Sarawak pula akan memberikan bantuan bahan-bahan binaan. Insya-Allah masalah rumah keluarga mendiang di Kampung Koran Mawang ini akan dapat diselesaikan dalam sedikit masa lagi.

Selain daripada itu, melalui usaha kerajaan juga sebuah rumah ataupun apartmen tiga bilik di Taman Desa Ria, Tangga Batu, Melaka yang bernilai sebanyak RM 63 ribu akan disumbangkan oleh Syarikat Bukit Rambai Development Sdn. Bhd. pada keluarga mendiang yang dijangka siap pada bulan Ogos, 1995.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu tuntutan bertindih ke atas pulau-pulau dengan negara-negara jiran yang dibangkitkan oleh wakil dari Jelebu, kerajaan berpendirian bahawa masalah ini hendaklah diselesaikan secara aman melalui proses rundingan diplomatik. Ini termasuklah mengadakan langkah-langkah membina keyakinan dan ketelusan di kalangan negara jiran yang mana ianya dapat membantu ke arah mewujudkan suasana saling menghormati dan bekerjasama.

Berkaitan dengan peralatan pertahanan negara jiran yang lebih baik menurut pendapat Ahli Yang Berhormat dari Jelebu, kerajaan tidak melihat peralatan-peralatan pertahanan yang diperolehi oleh negara-negara jiran sebagai satu ancaman kepada negara kita. Sebaliknya kerajaan berpendapat bahawa keupayaan pertahanan negara-negara jiran adalah memberi sumbangan yang positif ke arah keselamatan bersama serantau. Kerajaan menganggap bahawa pertahanan negara-negara jiran adalah hak mereka sendiri. Mana-mana negara sekalipun mempunyai perancangan masing-masing bagi melengkapkan pertahanan sebagai usaha untuk mempertahankan negara mereka dan bukan untuk berperang dengan negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengamalkan dasar berbaik-baik dengan negara jiran terutama di dalam ASEAN. Apa juga masalah atau konflik akan diselesaikan melalui saluran diplomatik dan perundingan. Walau bagaimanapun, kerajaan memberi jaminan bahawa Kementerian Pertahanan mempunyai keupayaan untuk mempertahankan negara dari sebarang ancaman baik dari dalam ataupun luar negara. Untuk tujuan ini Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menjalankan berbagai-bagai usaha bagi memodenkan Angkatan Tentera Malaysia dengan mengambil langkah-langkah yang antaranya adalah seperti berikut:

- (i) membeli dan mendapatkan peralatan dan persenjataan moden. Ini untuk menyesuaikan dengan keadaan dan peredaran masa pada hari ini;
- (ii) mempertingkatkan tahap profesionalisme di dalam Angkatan Tentera Malaysia;
- (iii) menubuhkan Pasukan Atur Gerak Cepat (PAC) seperti yang disebut oleh Yang Berhormat dari Jelebu;
- (iv) mempertingkatkan tahap kesiapsiagaan anggota tentera Malaysia; dan

banyak lagi langkah-langkah yang lain yang akan diambil dari masa ke semasa demi untuk mencapai matlamat ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kementerian Belia dan Sukan.

4.10 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Dato' Ismail bin Said): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima

kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian dan cadangan kepada Kementerian Belia dan Sukan.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah menyuarakan pandangan bahawa program Rakan Muda akan memberikan manfaat jika ianya diteruskan dengan perancangan yang teratur dan akan merupakan harapan yang terakhir membawa generasi muda Malaysia keluar dari belunggu lepak. Saya mengucapkan terima kasih atas keyakinan Yang Berhormat terhadap Program Rakan Muda.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Rakan Muda telah digubal untuk menangani masalah generasi muda masa kini dan membentuk identiti anak bangsa ke arah mencapai wawasan negara maju. Dalam mengolah program ini, Kementerian Belia dan Sukan telah meraih kepakaran dan tenaga fikiran pelbagai pihak, terutamanya daripada generasi muda sendiri, agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan dan pihak swasta untuk memastikan Rakan Muda sahaja dapat memikat imaginasi dan membawa penyertaan generasi muda malah akan memanfaatkan masyarakat dan jua negara.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas juga berharap Rakan Muda akan dapat melahirkan tenaga penggerak masyarakat ke arah Wawasan 2020. Suka saya menjelaskan bahawa Rakan Muda sememangnya diletakkan ke dalam prospektif Wawasan 2020 melalui wawasan Rakan Muda yang membawa penyataan misi seperti berikut:

“Generasi muda adalah penunjang, juga penggerak pembangunan masyarakat dalam negara maju berasaskan ilmu, etika, teknologi, usaha, kerakanan, azam, iktizam dan cita-cita tinggi”.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Wawasan Rakan Muda adalah cetusan dan terbitan daripada Wawasan 2020 untuk difahami, dihayati dan disokong oleh generasi muda supaya bersama-sama dalam satu arus menuju ke arah matlamat Wawasan 2020. Wawasan Rakan Muda akan menyokong harapan negara maju berlandaskan identiti bangsa Malaysia di mana generasi muda mempunyai nilai yang mulia lagi murni diterjemahkan dalam bentuk gaya hidup berkualiti dan berwawasan.

Rakan Muda akan diisi dengan 10 program iaitu Rakan Sukan, Rakan Wajadiri, Rakan Cinta Alam, Rakan Seni Budaya, Rakan Reka Cipta, Rakan Wira Usaha dan Wira Mahir, Rakan Kecergasan, Rakan Masyarakat, Rakan Rekreasi dan Briged Rakan Muda.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sungai Benut atas sokongan beliau terhadap usaha Kementerian Belia dan Sukan mewujudkan Briged Rakan Muda. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di samping membentuk generasi yang berdisiplin, rasional, pengwujudan Briged Rakan Muda ialah untuk menangani masalah kelesuan institusi sukarela supaya dapat bersama-sama membangunkan negara melengkap dan menggerakkan penyertaan generasi muda ke arah pencapaian wawasan negara serta menampilkan identiti generasi muda Malaysia. Antara objektif Briged Rakan Muda ialah:

- (i) mewujudkan kumpulan teras sebagai penggerak arus pembangunan generasi muda;
- (ii) menghidup dan memeriahkan suasana sebegitu rupa supaya mereka dapat meraih segala kekuatan setempat yang mempunyai impak global;

- (iii) membanteras gejala sosial negatif yang melanda generasi muda; dan
- (iv) mendokong nilai murni generasi muda dan masyarakat.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, khususnya Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang yang telah memberi sokongan, keyakinan dan motivasi kepada Kementerian Belia dan Sukan untuk bergiat terus melaksanakan Program Rakan Muda, saya ingin menjelaskan bahawa Program Rakan Muda akan diletakkan di atas landasan yang kukuh di mana semua aktiviti yang dilaksanakan akan mempunyai 4 asas seperti berikut:

- (i) Penghayatan serta amalan agama dan moral mencakupi sistem pendidikan agama dan moral secara formal dan tidak formal;
- (ii) Penguasaan ilmu dan kemahiran melalui pendidikan berterusan, peluang kedua dan pendidikan melalui sistem persekolahan;
- (iii) Ketahanan institusi keluarga berasaskan kepada struktur dan ikatan kekeluargaan melalui gugusan nilai budi, kasih sayang, hormat, komitmen dan komunikasi, perhubungan keluarga dengan masyarakat serta tradisi dan ilmu keibubapaan; dan
- (iv) Pembentukan nasionalisme dan identiti bangsa Malaysia yang diterapkan melalui kefahaman, kesedaran dan pengamalan sejarah dan warisan seni budaya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas dan Santubong telah menyarankan supaya Wakil-wakil Rakyat memberi kerjasama sepenuhnya bagi menjayakan Program Rakan Muda. Kementerian Belia dan Sukan sangat menghargai keyakinan Ahli Yang

Berhormat, malahan saya yakin Ahli Yang Berhormat mempunyai peranan utama untuk memastikan bahawa Program Rakan Muda akan dapat dimanfaatkan oleh semua warga Malaysia, khusus generasi muda hingga ke peringkat akar umbi.

Mengenai kebimbangan Ahli Yang Berhormat dari Sepang bahawa pembangunan ekonomi tidak seimbang dengan pembangunan sosial, Kementerian Belia dan Sukan berharap supaya Rakan Muda akan dapat menjadi berimbang di mana generasi muda Malaysia akan membangun dan menggerakkan ekonomi negara dengan bekalan pegangan sistem dan orientasi nilai yang positif lagi murni dan mempunyai gaya hidup, berkualiti dan berwawasan.

Ahli Yang Berhormat dari Jerai mencadangkan supaya diwujudkan taman-taman rekreasi di kawasan perumahan dalam usaha menangani masalah sosial di kalangan generasi muda dan mengisi masa lapang mereka. Saya ingin menjelaskan bahawa Kementerian Belia dan Sukan dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengadakan seminar pada tahun 1993 yang dihadiri oleh perancang dan pemaju perumahan untuk mencadangkan supaya kawasan rekreasi dan sukan diwujudkan di kawasan-kawasan perumahan. Bagi projek-projek di bawah penswastaaan, Kementerian Belia dan Sukan juga menyarankan supaya diwujudkan prosedur 'swapping', dengan izin, di mana pemaju diminta menyediakan kemudahan sukan dan rekreasi di sebahagian tanah yang akan dimajukan. Kementerian Belia dan Sukan sendiri akan mewujudkan Pusat Rakan Muda di setiap daerah supaya generasi muda mempunyai tempat bersukan dan menjalani aktiviti Rakan Muda.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat di atas pandangan dan sokongan kepada Kementerian Belia dan Sukan sepanjang tempoh perbahasan. Segala cadangan amatlah dihargai agar generasi muda masa kini yang merupakan khazanah dan harta negara akan dilengkapi dengan sistem nilai dan gaya hidup berkualiti supaya mereka akan muncul sebagai pemimpin, pengisi wawasan dan pewaris negara maju.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

4.17 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Tuan Yong Khoo Seng): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan kepada perkara yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Santubong. Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Santubong yang telah membangkitkan mengenai penyertaan wanita dalam semua sektor dan mempertingkatkan hebahan mengenai Dasar Wanita Negara, pelaksanaan dan programnya. Yang Berhormat berkenaan juga meminta kedudukan Bahagian Hal Ehwal Wanita (HAWA) dikaji semula supaya dapat mempertingkatkan agensi ini.

Tuan Yang di-Pertua, sejak Dasar Wanita Negara diluluskan oleh Kabinet pada tahun 1989, usaha-usaha telah dijalankan untuk mempromosikan Dasar Wanita Negara kepada semua pihak berkenaan, termasuk pembuat dasar, pelaksana, persatuan-persatuan sukarela wanita, para akademik dan swasta. Usaha-usaha ini masih terus dijalankan sehingga hari ini melalui seminar, bengkel, kursus

dan sebagainya untuk memantapkan lagi pelaksanaan Dasar Wanita Negara ini. Kementerian telah menggubal pelan tindakan Dasar Wanita Negara yang sedang dalam peringkat penggubalan terakhir. Salah satu komponen pelan tindakan ini ialah untuk mengadakan program kepekaan gender yang akan meliputi semua peringkat pembuat dasar dan pelaksanaan di sektor awam dan sektor swasta.

HAWA merupakan pusat tumpuan kebangsaan atau, dengan izin, national focal point, bagi pembangunan dan kemajuan wanita. Untuk memperkukuhkan jentera pelaksanaan HAWA, beberapa struktur telah diwujudkan seperti Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita Dalam Pembangunan atau dikenali sebagai NACIWID. Majlis ini merupakan badan penasihat kepada kerajaan mengenai hal ehwal wanita di peringkat kebangsaan. Satu Jawatankuasa Penyelaras Hal Ehwal Wanita pada peringkat negeri yang merupakan badan penghubung di antara kerajaan dengan wanita-wanita di peringkat akar umbi juga telah ditubuhkan, manakala Pegawai Penyelaras Hal Ehwal Wanita di peringkat kementerian, negeri dan daerah juga diwujudkan.

Di samping itu, HAWA bekerjasama dengan para akademik di universiti tempatan yang membantu HAWA untuk menjalankan kajian-kajian mengenai wanita serta juga melalui pertubuhan sukarela wanita yang menerima bantuan kewangan daripada kementerian untuk melaksanakan berbagai program atau projek yang bertujuan untuk memperbaiki taraf wanita demi kepentingan kaum wanita. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kementerian Sumber Manusia.

4.20 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam): Tuan di-Pertua, saya berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1995, terutamanya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sibu, Parit Sulong, Kok Lanas dan Bandau yang telah mengemukakan beberapa perkara yang menyentuh fungsi dan bidang kuasa Kementerian Sumber Manusia.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong, Kok Lanas dan Bandau telah membangkitkan isu-isu berkaitan dengan keperluan tenaga kerja mahir dan terlatih yang semakin meruncing. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Kementerian Sumber Manusia memang mengambil berat tentang isu ini.

Kementerian Sumber Manusia telah memulakan tindakan tertentu sesuai dengan keperluan tenaga kerja mahir dan terlatih. Kerajaan menyedari bahawa untuk menjadi sebuah negara maju, negara ini perlu mempunyai tenaga pekerja yang berkemahiran, berpengetahuan dan berdaya maju. Untuk tujuan ini kerajaan bukan sahaja telah memberi peruntukan yang besar dalam membangunkan guna tenaga manusia di negara ini, tetapi juga menggalakkan majikan-majikan melatih tenaga pekerja mereka sendiri.

Untuk mendorong dan memastikan majikan melatih tenaga pekerja mereka, kerajaan telah menubuhkan Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia melalui Akta Pembangunan Sumber Manusia tahun 1992. Tujuan penubuhan Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia ini adalah untuk melatih semula dan meningkatkan kemahiran tenaga pekerja. Tenaga pekerja yang terlatih dan berkemahiran akan dapat membantu meningkatkan kualiti dan produktiviti

syarikat-syarikat di negara ini. Dengan mempunyai tenaga pekerja yang terlatih, majikan-majikan dan pekerja-pekerja akan mudah menyesuaikan diri untuk menggunakan teknologi baru yang sentiasa berubah. Begitu juga proses pemindahan teknologi ke negara ini dapat dilakukan dengan cepat sekiranya majikan-majikan memainkan peranan yang aktif dalam membuat latihan kepada tenaga pekerja.

Semenjak Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia ini beroperasi mulai 1hb. Julai, 1993 sehingga awal Oktober tahun 1994, seramai 262,764 pekerja telah diluluskan untuk mengikuti latihan dalam berbagai bidang di dalam dan di luar negeri. Kerajaan juga telah membuat keputusan supaya Skim Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia diperluaskan ke sektor perkhidmatan. Sektor perkhidmatan yang akan diliputi oleh Kumpulan Wang ini adalah seperti berikut:

- Hotel;
- Agen Penggambaran Pengiklan;
- Perkhidmatan Komputer;
- Penghantaran Filem;
- Perkhidmatan Telekomunikasi;
- Perkhidmatan Pos dan Komputer;
- Perkapalan dan Pengangkutan Udara.

Tuan Yang di-Pertua, falsafah kerajaan adalah untuk melibatkan sektor swasta dalam apa jua program yang diwujudkan serta mendapat pandangan supaya program-program yang diwujudkan adalah sesuai untuk keperluan. Dalam konteks, ini Kementerian Sumber Manusia telah mengadakan dua sesi dialog dengan golongan sektor swasta baru-baru ini, bertujuan membincang dan mengenal pasti program-program yang perlu dijalankan oleh kerajaan dan sektor swasta bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran

tenaga mahir dalam bidang teknikal. Di samping itu, dialog tersebut juga mendalami peranan yang perlu dimainkan oleh kerajaan bagi memastikan kejayaan usaha-usaha sektor swasta ini. Dialog tersebut juga membincangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh sektor swasta serta langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengatasi masalah yang mungkin dihadapi.

Dialog yang diadakan pada 7hb. November tahun ini ditumpukan kepada institusi-institusi latihan swasta, manakala dialog kedua yang diadakan pada 10hb. November tahun ini ditumpukan kepada persatuan-persatuan industri. Dialog-dialog tersebut telah dijalankan dengan jayanya dan hasilnya sedang didokumentasikan.

Selain daripada itu perbincangan peringkat pegawai-pegawai tinggi di antara Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian yang menjalankan penyelidikan serta latihan juga diadakan, bertujuan menyelaraskan program dan aktiviti latihan perindustrian supaya setiap Kementerian yang menjalankan program latihan perindustrian itu jelas akan kumpulan sasaran mereka, serta saling lengkap-melengkapi (*complement and supplement*), dengan izin, dalam usaha-usaha untuk menambahkan lagi bilangan tenaga mahir dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong telah membangkitkan isu, tidak mungkinkah institut-institut latihan di bawah Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Belia dan Sukan digabungkan di bawah Kementerian Pendidikan agar kurikulum dapat diselaraskan dan penggunaannya juga menjadi lebih cekap dan berkesan.

Adalah perlu dijelaskan bahawa institusi-institusi latihan teknikal perindustrian tidaklah perlu diletakkan di bawah satu Kementerian sahaja seperti

Kementerian Pendidikan. Aktiviti pendidikan perlulah dibezakan dengan aktiviti latihan perindustrian kerana pendidikan-pendidikan dan latihan perindustrian adalah berlainan. Pendidikan lebih menumpukan kepada pembangunan daya pemikiran, manakala latihan perindustrian lebih menekankan kepada pembangunan kemahiran yang diperolehi oleh industri-industri lain yang berkembang dengan pesatnya. Oleh itu kerja-kerja praktik dan amalan-amalan perindustrian diberi perhatian yang berat.

Pembahagian fungsi latihan perindustrian kepada beberapa Kementerian adalah baik kerana tiap-tiap Kementerian mempunyai 'clientele' yang berlainan. Oleh itu, institusi latihan teknikal perindustrian di bawah Kementerian yang berlainan adalah saling '*complement and supplement*', dengan izin, satu-satu usaha untuk menambahkan lagi bilangan tenaga mahir dalam negara.

Pada masa yang sama saya maktumkan bahawa walaupun kerajaan belum bercadang untuk menggabungkan semua institusi latihan di bawah satu Kementerian, tetapi kandungan latihan kemahiran telah diselaraskan oleh Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLBK). MLBK menentukan standard kemahiran dengan penglibatan industri di dalam Jawatankuasa Penasihat Kemahiran Kurikulum dan sebagainya yang diwujudkan di bawah MLBK. Standard kemahiran ini digunakan oleh institusi latihan di berbagai agensi untuk melatih pelatih-pelatih dalam bidang-bidang yang berkenaan. Sungguhpun institusi-institusi latihan ini di bawah agensi yang berlainan, namun kurikulum dalam bidang vokasional telah diselaraskan sekurang-kurangnya memenuhi standard MLBK. Cara penyampaian adalah bergantung kepada keupayaan tenaga pengajar dan kemudahan di institut masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Yang Berhormat dari Sibunya supaya Institut Latihan Perindustrian yang diluluskan untuk dibina di Sarawak

ditempatkan di Sibul, setakat ini keputusan muktamad belum lagi dibuat dan kemungkinan tapak-tapak yang dicadangkan seperti Miri, Sibul dan lain-lain boleh dipertimbangkan dan dibuat kajian dari segi kesesuaiannya sebagai tapak institut tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penjelasan-penjelasan di atas, saya percaya jawapan saya telah meliputi semua perkara yang telah dibangkitkan dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan tahun 1995 yang menyentuh Kementerian Sumber Manusia. Bagi lain-lain perkara yang tidak dijawab di sini, Kementerian Sumber Manusia akan menelitinya untuk pertimbangan sewajarnya. Dengan ini saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberi sokongan dan teguran yang membina kepada Kementerian Sumber Manusia. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

4.29 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, khususnya Ahli-ahli Yang Berhormat dari Labuan, Johor Bahru, Jerai, Julau, Hulu Selangor, Seputeh, Sibul, Bayan Baru, Sungai Besi, Ipoh dan Pasir Pinji.

Perkara-perkara yang berbangkit adalah seperti pembinaan rumah-rumah kos rendah, pencapaian dan pelaksanaan peruntukan kewangan, pelan setara, kualiti rumah serta pembangunan masyarakat di kawasan-kawasan perumahan.

Sukacita saya maklumkan, matlamat kerajaan untuk menyediakan rumah yang secukupnya dan seboleh-bolehnya untuk setiap rakyat adalah serius dan penuh tanggungjawab. Sukacita saya maklumkan, pencapaian matlamat ini sedang berjalan dengan lancar dan saya ingin memberikan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak swasta kerana sumbangan yang berkesan dalam pembinaan rumah-rumah kos rendah, sederhana dan tinggi. Walaupun sektor awam tidak mencapai kejayaan yang segemilang pihak swasta tetapi ianya juga bukan sesuatu yang mengecewakan. Tanda-tanda pencapaian yang lebih baik dapat dilihat daripada cadangan-cadangan baru mengenai tapak-tapak perumahan kos rendah yang dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dari Labuan, Johor Bahru, Julau dan Hulu Selangor, adalah dijangkakan di akhir Rancangan Malaysia Keenam sebanyak 262,176 unit rumah kos rendah akan dapat dibina daripada jumlah keseluruhan sasaran sebanyak 343,800 unit atau 76.3%. Dalam hal ini pihak swasta dijangka dapat membina sebanyak 214,889 unit daripada sasarannya 217,000 unit atau 99%.

Sektor awam pula dijangka membina sebanyak 47,287 unit daripada sasaran sebanyak 126,000 unit atau 37.3%. Suatu yang di luar dugaan dan mengembirakan adalah pencapaian pembinaan rumah kos sederhana. Adalah dijangkakan pada akhir Rancangan Malaysia Keenam sebanyak 282,436 unit rumah kos sederhana akan dapat dibina daripada 200,500 unit yang disasarkan ataupun 140.9%. Daripada jumlah ini pihak swasta akan membina sebanyak 247,241 unit daripada sasaran sebanyak 155,900 atau 158.6%.

Sektor awam pula dijangka akan membina sebanyak 35,195 rumah kos sederhana daripada sasaran 44,600 unit ataupun 78.9%. Sementara itu sebanyak

103,636 unit rumah kos tinggi dan komersil dijangka dapat dibina daripada sasaran 28,700 unit atau 361.6%. Daripada jumlah ini sebanyak 100,788 unit dijangka dibina oleh pihak swasta manakala 2,850 unit oleh sektor awam. Ini bermakna sebanyak 648,250 unit daripada sasaran 573,000 unit rumah iaitu sebanyak 113% dijangka akan dapat disiapkan pada akhir Rancangan Malaysia Keenam. Dari jumlah ini sebanyak 544,612 unit adalah terdiri daripada rumah kos rendah dan sederhana dan ini dijangka melebihi daripada sasaran asal iaitu pembinaan sebanyak 544,300 unit. Manakala 262,176 unit rumah ataupun 40.44% daripada keseluruhan pembinaan adalah terdiri daripada rumah kos rendah. Ini membuktikan kuota 30% yang ditentukan untuk pembinaan rumah kos rendah oleh pemaju perumahan telah pun dicapai.

Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, pembinaan rumah kos tinggi pula dijangka hanya 16% sahaja daripada keseluruhan rumah yang akan dibina di bawah Rancangan Malaysia Keenam dan ini membuktikan bahawa matlamat yang dijangkakan telah hampir tercapai. Apa yang terbukti ialah pencapaian kita dari segi pembinaan rumah kos rendah dan sederhana telah lebih daripada mencapai matlamatnya. Apa yang tidak tercapai ialah pembinaan rumah kos rendah oleh sektor awam tetapi ini akan dapat diatasi, insya-Allah, dengan rancangan pembinaan rumah kos rendah di bawah Program Perumahan Rakyat Termiskin dengan peruntukan berjumlah RM2.6 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru, Bayan Baru, Jerai, Pasir Pinji dan Sibu, suka saya menyatakan setakat ini sambutan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk membina rumah pangsa murah untuk disewa amat menggalakkan. Sebanyak RM600 juta telah disediakan untuk

maksud ini dan setakat ini sebanyak RM513.78 juta telah dipohon oleh Kerajaan-kerajaan Negeri untuk membina sebanyak 26,058 unit rumah pangsa. Kerajaan juga menyediakan RM500 juta untuk pinjaman faedah rendah 2% kepada pemaju perumahan yang terlibat dengan perumahan kos rendah dan setakat ini sebanyak RM406 juta telah pun dipohon. Ini menunjukkan minat pihak pemaju swasta dalam membina rumah kos rendah adalah tinggi dan membanggakan.

Selain dari itu, RM500 juta juga telah diperuntukkan untuk projek perumahan dalam skim PAKR dan SPK serta program perumahan di bawah agensi-agensinya kerajaan yang lain. Manakala RM1 bilion diwujudkan di bawah tabung pusingan Yayasan Perumahan Rakyat Termiskin. Adalah dijangkakan peruntukan ini dapat memenuhi keperluan perumahan dalam Rancangan Malaysia Keenam. Jelas, kerajaan telah berjaya dalam melaksanakan matlamat keperluan rumah kos rendah dan sederhana di samping menggalakkan industri perumahan berkembang luas dengan pembinaan rumah kos tinggi dan komersil sebanyak 16%. Pembinaan rumah-rumah kos tinggi dan komersil juga mesti dilaksanakan sesuai dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat dan permintaan yang banyak berdasarkan kepada kemampuan rakyat.

Kita tidak mahu melihat bandar-bandar kita hanya diselubungi oleh rumah-rumah kos rendah semata-mata. Rumah-rumah kos sederhana dan tinggi boleh mencantikkan lagi pemandangan bandar kita. Kerajaan juga berusaha memperbaiki reka bentuk rumah-rumah murah dengan memperkenalkan 9 jenis rekabentuk perumahan kos rendah setara termasuk untuk option 3 bilik. Pelan-pelan ini boleh digunakan oleh pihak swasta dan awam untuk mendapatkan kelulusan segera daripada pihak berkuasa tempatan. Ini boleh menjimatkan masa dalam membina rumah kos rendah.

Kerajaan juga ingin menggalakkan para pemaju negara mengemukakan reka bentuk rumah yang berasaskan ciri-ciri kebudayaan Malaysia di samping ciri-ciri yang baru bersesuaian dengan keadaan semasa. Untuk maksud ini Kementerian telah menganjurkan pertandingan membina rumah kos rendah dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sembilan dan setakat ini sambutannya begitu hebat. Sebanyak 150 borang telah dikeluarkan kepada pihak-pihak yang berminat dan berkelayakan. Kita yakin dengan pertandingan ini satu konsep baru perumahan kos rendah akan dapat dihasilkan dengan kos yang berpatutan serta mempunyai ciri-ciri keselamatan dan keselesaan yang dipertingkatkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Labuan, Kementerian sememangnya menggalakkan pembinaan rumah yang berkualiti, alam persekitaran yang selesa dan infrastruktur yang secukupnya untuk kemudahan sosial, riadah dan ilmu serta tempat beribadat. Terpujanglah kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mengenakan syarat-syarat berkenaan di samping kemampuan pemaju-pemaju perumahan melaksanakannya. Umumnya, memang menjadi matlamat kerajaan supaya kawasan-kawasan perumahan mewujudkan masyarakat berbilang kaum yang muhibah dan akrab, penyayang dan boleh bekerjasama sesama mereka. Selain dari itu mereka juga digalakkan untuk beriadah supaya sihat dan cergas.

Mengenai Lembaga Perumahan Negara yang dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru, Sungai Besi dan Pasir Pinji, sukacita dimaklumkan penyediaan Rang Undang-undang untuk mewujudkan Lembaga ini kini di peringkat terakhir. Kementerian sedang menyediakan cadangan bidang tugas dan *modes operandi* Lembaga tersebut untuk pertimbangan kerajaan. Adalah diharapkan dengan terwujudnya Lembaga ini, perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Sibul, pembinaan balai bomba Sibul adalah dicadangkan dibina semula dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh. Cadangan mengadakan pasukan bomba sukarela di rumah panjang amatlah baik. Pihak Kementerian akan mengarahkan Jabatan Perkhidmatan Bomba menyusuli perkara ini. Suka saya menyatakan bahawa Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia telah meluluskan sebanyak 77 buah projek pembinaan balai bomba dan rumah kakitangan. 57 daripadanya sedang dalam pelaksanaan manakala 20 projek telah pun siap. Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia juga telah memperuntukkan sebanyak RM7 juta dalam tahun 1994 untuk membeli kereta-kereta bomba dan alat kelengkapan bomba.

Ahli Yang Berhormat dari Ipoh telah membangkitkan mengenai tindakan Majlis Bandaraya Ipoh merobohkan balai raya di kampung baru di kawasan Jelapang. Untuk makluman Yang Berhormat, rumah termasuk balai-balai raya di kampung baru itu telah dibina secara haram di atas tanah milik kerajaan, iaitu Pejabat Tanah Daerah Kinta. Apa yang dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri adalah untuk kebaikan semua dan untuk membangunkan semula kawasan yang berkenaan kerana ada kawasan-kawasan kampung baru sudah menyerupai bandar dan pembangunan yang sesuai hendaklah dilaksanakan.

Tidak menjadi dasar kerajaan untuk membiarkan rakyat yang tinggal di Kampung Baru atau kampung tradisi terus berada dalam kemiskinan. Mereka mesti terus dibela dan ditingkatkan taraf kehidupan setanding dengan rakyat yang tinggal di bandar-bandar menjelang pendapatan per kapita rakyat mencapai lebih US16,000 setahun menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Seputeh supaya diadakan pilihan raya di peringkat Kerajaan Tempatan. Ingin saya tegaskan di sini bahawa sesuatu sistem yang dilaksanakan dan berjalan baik di sesebuah negara itu tidak semestinya baik bagi sebuah negara yang lain. Justeru itu, sistem memilih Datuk Bandar dan Yang di-Pertua Majlis Perbandaran yang diamalkan di dalam negara kita selama ini, didapati berjalan dengan baik dan lancar sehingga ke hari ini. Ini dapat kita lihat daripada pembangunan pesat bandar-bandar di seluruh negara.

Pasti tidak ada siapa yang boleh menafikan bahawa pembangunan pesat bandar-bandar ini telah memberi manfaat besar kepada rakyat dari segi penambahan pendapatan dan peningkatan infrastruktur untuk kemudahan rakyat. Bahkan pada akhir-akhir ini, kita selalu mendapat sanjungan dan pujian daripada banyak pihak sama ada dalam atau luar negeri mengenai kejayaan kita dalam membangunkan negara. Bahkan satu aspek yang menonjol pada masa ini ialah kecantikan bandar-bandar kita dan kebersihan yang mula menjadi kenyataan di setiap bandar-bandar di negara kita. Ini membuktikan keberkesannya pentadbiran setiap Pihak Berkuasa Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara yang melibatkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sekiranya ada perkara-perkara yang tidak sempat saya jawab pada hari ini, ianya telah ada dalam maklumat kementerian dan sekiranya ia sesuai, ia akan dilaksanakan atau diambil tindakan yang sewajarnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

4.43 ptg.

Menteri Pembangunan Luar Bandar (Dato' Haji Annuar bin Musa): Tuan Yang di-Pertua, Alhamdulillah, saya mengatur syukur kepada Allah S.W.T., dan terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar dalam perbincangan dasar-dasar am Belanjawan 1995 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 27hb. Oktober yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, ramai daripada kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan perkara-perkara di bawah bidang kuasa kementerian dan telah menyentuh aspek-aspek, infrastruktur dan kemudahan di luar bandar. Ini termasuklah masalah bekalan air luar bandar, bekalan elektrik luar bandar, projek jalan-jalan kampung luar bandar. Ini menunjukkan keprihatinan Yang Berhormat yang berkenaan akan betapa pentingnya dipertingkatkan mutu prasarana luar bandar di negara kita.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sibu, Marang, Kimanis, Jerai dan Santubong telah membangkitkan masalah bekalan air di luar bandar. Untuk makluman, dalam Rancangan Malaysia Keenam, kerajaan telah menyediakan sejumlah peruntukan yang cukup besar berjumlah RM480.259 juta bagi seluruh negara. Seperti mana yang kita sedia maklum, pelaksanaan bekalan air memerlukan kerjasama yang rapat di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Dan jelaslah hubungan baik antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan akan menjamin pelaksanaan projek tersebut dengan secara lebih teratur dan lebih sempurna. Secara umumnya pada akhir Rancangan Malaysia Keenam kita menjangkakan bekalan air di Semenanjung

jung Malaysia akan meliputi kira-kira 97% daripada keseluruhan jumlah penduduk di Semenanjung. Manakala bagi negeri Sabah akan mencapai tahap kira-kira 63%, dan bagi negeri Sarawak akan mencapai kira-kira 65% dari jumlah penduduk di negeri tersebut.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, peruntukan bekalan air luar bandar bagi tahun 1994 dan 1995 adalah seperti berikut: Bagi Semenanjung Malaysia 1994 kita memperuntukkan kira-kira RM56.6 juta, dan insya-Allah bagi tahun hadapan kita akan pertingkatkan kepada sejumlah RM74.19 juta. Bagi negeri Sarawak pada tahun ini sebanyak RM20 juta dan akan disambung pelaksanaannya bagi tahun hadapan sebanyak kira-kira RM9 juta lagi. Bagi negeri Sabah pada tahun ini sebanyak RM17 juta dan disambung ke tahun hadapan dengan perbelanjaan kira-kira RM7.9 juta lagi. Ini tidak termasuk program-program khas yang dijalankan khususnya bagi negeri Sabah untuk mempertingkatkan kemudahan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Santubong membangkitkan masalah pembiayaan pembangunan projek bekalan air luar bandar dan beliau telah mencadangkan agar Kerajaan Persekutuan membiayai secara geran dua-pertiga daripada kos yang terlibat, manakala satu pertiga lagi adalah secara pinjaman. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut Perlembagaan negara, air adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri. Malah Kerajaan Negerilah yang mempunyai kuasa untuk mengutip segala hasil daripada air di negeri-negeri yang berkenaan. Oleh itu, Kerajaan Negeri sebenarnya sepatutnya membiayai keseluruhannya pembangunan projek-projek bekalan air. Walaupun demikian, memandangkan sebelum ini kebanyakan Kerajaan Negeri tidak mampu membiayai projek-projek bekalan air

terutamanya bekalan air di luar bandar yang kebanyakannya tidak mempunyai pulangan yang ekonomik atas pelaburan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri, maka Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk membiayai projek-projek tersebut melalui program bekalan air luar bandar di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Mulai tahun 1993 Kerajaan Persekutuan telah memutuskan dasar pembiayaan melalui kaedah pinjaman tanpa faedah bagi membantu Kerajaan-kerajaan Negeri. Bagi kes-kes tertentu, pemberian secara geran boleh diberikan sehingga ke tahap maksimum sebanyak 20% daripada kos projek bagi meringankan bebanan yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat dari Santubong meminda kadar 80:20 yang sedang dipakai pada masa ini, sebenarnya kementerian saya telah pun mengemukakan satu kertas kepada Jemaah Menteri untuk menggubal dasar-dasar baru yang lebih sesuai untuk mempercepatkan proses penyediaan bekalan air di kawasan luar bandar. Jemaah Menteri telah bersetuju agar Unit Perancang Ekonomi membuat satu kajian yang menyeluruh bagi membolehkan satu dasar baru digubal dan diperkenalkan. Oleh itu, saya ingin memberi jaminan bahawa cadangan dan pandangan Yang Berhormat itu akan diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sibul, Marang, Keningau, Kimanis, Bandau dan Jerai telah membangkitkan soal kekurangan bekalan elektrik luar bandar. Kementerian Pembangunan Luar Bandar sentiasa memberi perhatian ke atas liputan program dan projek bekalan elektrik luar bandar khususnya bagi negeri-negeri yang kurang maju seperti Sabah, Sarawak dan juga Kelantan serta perkampungan-perkampungan Orang Asli dalam negara

kita. Sebagai usaha ke arah tersebut, baru-baru kementerian saya telah mengemukakan kertas Jemaah Menteri untuk membolehkan skop pelaksanaan program elektrik luar bandar diperluaskan agar program elektrik luar bandar tidak semata-mata bergantung kepada projek berasaskan rangkaian bekalan daripada, dengan izin, 'main grid system'. Sebaliknya membolehkan kawasan-kawasan yang jauh daripada sistem berkenaan dapat menggunakan sistem-sistem tertentu seperti menggunakan kuasa solar, generator, hybrid system, mikro dan mini hidro serta sistem-sistem lain yang sesuai. Jemaah Menteri telah memberikan kelulusan kepada perubahan dasar itu dan peruntukan sebanyak RM25 juta telah diperuntukkan bagi menjalankan projek menggunakan pendekatan-pendekatan baru secara percubaan bagi negeri Sabah dan di negeri Sarawak. Kita harap sistem ini akan mempercepatkan lagi usaha menyediakan projek bekalan air luar bandar bagi kawasan-kawasan yang terpencil. Dari segi pelaksanaan projek pula, kita sedang mengubahsuai sistem tender yang pada masa ini memakan masa dan melibatkan red tape yang agak melemahkan keberkesanan pelaksanaannya. Sebagai percubaan bagi Negeri Sarawak, kita akan menggunakan sistem ataupun 'Konsep Payung' di mana tender akan diberikan melalui proses yang lebih singkat serta pelaksanaan dalam masa yang lebih cepat daripada masa yang kita gunakan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Marang dalam ucapannya telah menyentuh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan dikaitkan dengan kononnya bekalan elektrik luar bandar telah tidak diberikan priority. Saya fikir tuduhan seperti ini adalah tidak tepat, dan lebih berdasarkan kepada sentimen daripada fakta. Ini dapat

dilihat daripada Rancangan Malaysia Keenam, peruntukan yang telah disediakan bagi bekalan elektrik luar bandar berjumlah sebanyak RM439.9 juta bagi tahun 1994 dan 1995 peruntukan yang disediakan jelas menunjukkan pertambahan yang tinggi misalnya bagi Semenanjung Malaysia dalam tahun 1994 diperuntukkan RM17.157 juta manakala bagi tahun hadapan saya bercadang untuk menambahkan kepada RM31 bagi program bekalan elektrik luar bandar.

Bagi Negeri Sabah, pada tahun ini kita menggunakan peruntukan kira-kira RM30 juta sahaja, insya-Allah bagi tahun hadapan peruntukan sebanyak RM43 juta akan ditambah bagi membolehkan program elektrik luar bandar di Negeri Sabah turut dipertingkatkan. Peruntukan di atas jelas menunjukkan kerajaan tidak sama sekali mengabaikan keperluan penduduk luar bandar, terutamanya bagi negeri-negeri yang masih memerlukan perhatian Kerajaan Persekutuan. Kerajaan sememangnya mengutamakan pembangunan pelancongan sebagai satu industri kerana ia mendatangkan keuntungan kepada negara tetapi sama sekali tidak bermakna masyarakat dan penduduk luar bandar tidak diberikan perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, semua Ahli Yang Berhormat, yang menyentuh kementerian saya telah membangkitkan soal penyediaan kemudahan jalan-jalan luar bandar atau biasanya dirujuk sebagai Projek Jalan Luar Bandar (PJLB) dan Projek Jalan-jalan Kampung (PJK).

Saya suka menyatakan di sini bahawa antara kriteria-kriteria yang diambil ialah berdasarkan kepada jumlah bilangan penduduk yang akan mendapat faedah dari projek tersebut, kos bagi setiap kilometer jalan yang akan dibina, pembangunan yang akan dinikmati sepanjang

jalan yang akan dibina, dan bagi khususnya jalan luar bandar, keutamaan-keutamaan diberikan kepada:

- (i) bagi menyambungkan jalan-jalan yang terputus bagi membolehkan jalan tersebut lebih functional;
- (ii) menaikkan taraf jalan-jalan yang pada masa ini belum berturap, yang telah disediakan dalam Rancangan Malaysia yang lalu, Rancangan Malaysia Keempat dan juga Rancangan Malaysia Kelima dan seterusnya menaikkan taraf jalan-jalan kampung yang menjadi laluan penting akibat perubahan-perubahan pembangunan semasa.

Sementara bagi projek jalan kampung, kriteria dan pemilihan bagi pembinaannya adalah berdasarkan kepada faktor-faktor berikut:

- (i) Faktor jumlah kependudukan;
- (ii) Faktor sosial terutamanya bagi menaikkan taraf jalan-jalan yang menyambungkan pusat-pusat kemudahan bagi rakyat seperti kesihatan, klinik, masjid, sekolah, pasar dan sebagainya;
- (iii) Faktor ekonomi bagi menyediakan hubungan yang lebih baik bagi menghubungkan pekan-pekan kecil, pusat-pusat ekonomi dan pemasaran, pusat-pusat pertumbuhan desa dan kawasan-kawasan yang mempunyai program industri kecil dan industri luar bandar.

Dalam Rancangan Malaysia Keenam, bagi projek Jalan Luar Bandar kita telah menyediakan peruntukan sebanyak RM629.4 juta dan bagi Projek Jalan Kampung sebanyak RM428 juta. Bagi tahun 1994 peruntukan telah ditumpukan kepada jalan-jalan luar bandar dan jalan-jalan kawasan keselamatan atau jalan-jalan KESBAN.

Sukacita saya memaklumkan bagi jalan-jalan luar bandar, peruntukan 1994 berjumlah RM110 juta insya-Allah akan kita tingkatkan dalam tahun 1995 kepada RM134.8 juta. Bagi jalan-jalan di kawasan keselamatan di tahun ini kita membelanjakan RM37 juta insya-Allah tahun hadapan kita akan membelanjakan kira-kira RM60.5 juta. Ini menunjukkan peningkatan perbelanjaan yang akan dilakukan oleh kementerian bagi menandakan komitmen kita untuk meningkatkan program jalan luar bandar dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat kerajaan untuk menyediakan sistem perhubungan jalan luar bandar yang lebih baik dan meningkatkan mutu kehidupan dan menjadikan kawasan luar bandar cukup menarik dan sempurna serta boleh menampung tuntutan-tuntutan pembangunan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Krai telah membangkitkan dan ingin tahu mengenai tiga perkara. Pertama, mengenai projek bekalan air paip di kawasan Mengkebang yang didakwa oleh beliau sebagai tidak ada air sedangkan pemasangan paip telah pun siap.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

Dato' Haji Annuar bin Musa: Ya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai kenaikan taraf jalan-jalan kampung daripada jalan batu merah kepada jalan tar. Yang Berhormat Menteri menyebutkan beberapa kriteria ataupun syarat-syarat di mana jalan kampung

boleh dinaikkan taraf kepada jalan tar. Bagaimanakah sekiranya sesebuah kampung itu terkeluar daripada syarat-syarat tersebut.

Yang keduanya, saya dalam ucapan saya, saya ada membuat cadangan. Oleh kerana masalah kenaikan taraf jalan kampung kepada jalan tar, sekarang ini merupakan satu masalah yang amat mendesak kepada saya, kepada majoriti Wakil-wakil Rakyat yang saya ketahui. Adakah kerajaan akan bertindak dengan lebih kreatif umpamanya dengan menubuhkan dana-dana yang melibatkan warga korporat sebagaimana juga semangat kepertanggungjawaban sosial yang diberikan oleh warga korporat kepada masalah menghapuskan masalah rumah kos rendah.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin dapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri sekarang ini mengikut perangkaan di bawah kementerian Yang Berhormat, berapa kilometerkah jalan kampung diseluruh negara sekiranya ada statistiknya yang belum lagi dinaikkan taraf. Dan sekiranya hendak dinaikkan taraf, berapa bilionkah belanjanya dan apakah perancangan kerajaan. Adakah kerajaan mempunyai satu target yang khusus hingga tahun bilakah keseluruhan jalan-jalan kampung ini akan dinaikkan taraf? Tidakkah kita harus mempunyai satu target period yang definite, yang khusus supaya perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak dipolitikkan oleh pihak-pihak yang cuba menyelewengkan rakyat di peringkat akar umbi. Terima kasih.

Dato' Haji Annuar bin Musa: Terima kasih Yang Berhormat. Bagi perkara yang pertama, mengenai kriteria-kriteria yang ditentukan, kalau sekiranya terdapat cadangan-cadangan yang khusus yang tidak termasuk dalam kriteria itu tetapi kiranya ada alasan yang cukup munasabah, Ahli Yang Berhormat boleh

merujuk terus kepada kementerian kerana kriteria-kriteria yang saya sebutkan tadi, menjadi panduan kepada Pegawai-pegawai Kemajuan Negeri dalam masa menyusun priority projek-projek yang akan dilaksanakan dan setelah priority ataupun keutamaan itu disusun, mereka mengemukakan kepada kementerian.

Tetapi sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Parlimen dan Wakil Rakyat mendapati dalam susunan itu masih ada jalan yang tertinggal, tetapi difikirkan penting, perkara tersebut bolehlah dirujuk terus kepada kementerian saya.

Perkara yang kedua, berhubung dengan jumlah peruntukan yang diperlukan itu sebenarnya memang besar. Ini adalah kerana pembinaan jalan ini bukan merupakan satu perkara yang statik malah ia turut bertambah apabila adanya kawasan-kawasan baru yang dibuka dan memerlukan rangkaian jalan-jalan yang baru. Sedangkan rangkaian jalan yang sedia ada pun, sebenarnya memerlukan jumlah peruntukan yang cukup besar, jumlah perangkaan mengikut jalan yang telah dibanci boleh saya bekalkan kepada Ahli Yang Berhormat secara bertulis.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini telah dibincangkan dalam Jemaah Menteri seperti mana kita telah mengemukakan cara penyelesaian bagi projek perumahan rumah kos rendah. Kita berpendapat perlu ada satu cara penyelesaian yang menyeluruh bagi mengatasi masalah tuntutan dan keinginan yang begitu tinggi dan segera untuk meningkatkan jalan terutamanya di bawah kategori PJK iaitu jalan-jalan kecil di kampung-kampung.

Program secara penswastan tentunya tidak sesuai bagi cara yang seperti ini kerana tidak cukup menarik minat pelaburan sektor swasta tetapi sebagai langkah sementara dalam tahun ini

Jemaah Menteri memutuskan bagi kawasan-kawasan yang meruncing terutamanya bagi kawasan-kawasan tanah-tanah rancangan dengan rujukan khusus kepada rancangan FELDA. Jemaah Menteri meluluskan peruntukan sertamerta di luar budget sebanyak RM50 juta agar program segera dapat dilakukan.

Walaupun tindakan seperti itu telah dilakukan, kita tahu sebenarnya jumlah peruntukan ini masih jauh daripada mencukupi. Saya suka memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat, perkara ini akan kita berikan perhatian yang sewajarnya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

Dato' Haji Annuar bin Musa: Ya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas penjelasan oleh Yang Berhormat Menteri. Sekiranya, kerajaan boleh memberi peruntukan yang khusus kepada kampung-kampung tersusun seperti FELDA, tidakkah kampung-kampung tradisional lebih menuntut perhatian yang lebih khusus dari pihak kerajaan? Ini persoalan saya.

Yang keduanya, saya katakan bukan hendak diswastakan pembinaan jalan-jalan kampung. Saya ingin bertanya tidakkah boleh kita bertindak dengan lebih kreatif di mana kita mewujudkan satu dana khas untuk meningkatkan jalan-jalan kampung kepada jalan tar dengan melibatkan sumbangan daripada warga korporat. Ini bukan bermakna kita hendak corporatise atau privatise pembinaan jalan-jalan kampung sebagaimana keprihatinan serius yang digunakan oleh kerajaan untuk menyelesaikan masalah rumah-rumah kos rendah, itu pertanyaan saya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini saya rasa masalah rural electrification, dengan izin, ataupun pembekalan elektrik

luar bandar sekarang ini hanya merupakan beberapa peratus lagi yang belum selesai. Masalah pembekalan air ke luar bandar pun begitu juga. Mungkin keadaannya berbeza di Sabah dan Sarawak. Tetapi kalau di Semenanjung perkara ini telah menjadi perkara yang agak kecil.

Jadi, yang saya ingin tanyakan, masalah kampung-kampung tradisi ini adalah sumber kekuatan kepada kerajaan dan masalah FELDA, ia mempunyai kementerian yang khusus, yang mempunyai peruntukan yang khusus.

Jadi, haruskah orang-orang yang tinggal di kampung tradisional ini dijadikan sandwich di antara keprihatinan kepada masalah FELDA dengan kekuasaan yang datangnya dari kampung tradisi?

Dato' Haji Annuar bin Musa: Terima kasih. Bagi kerajaan semua kawasan adalah penting sama ada kampung tradisi ataupun juga di kawasan-kawasan FELDA, tetapi kerana daripada laporan yang kita perolehi di masa yang lalu, jalan-jalan di dalam kawasan FELDA, kita menyerahkan untuk dibina oleh FELDA tetapi kita dapati kerajaan tidak berpuas hati dengan tahap pelaksanaan jalan-jalan dalam kawasan-kawasan FELDA dan kerajaan berpendapat perlu diadakan langkah-langkah yang segera bagi mengatasi kemudahan-kemudahan tersebut di kawasan-kawasan FELDA. Sebab itulah Jemaah Menteri meluluskan peruntukan yang khusus bagi kawasan FELDA tetapi ini sama sekali tidak bermakna kita tidak memberikan keutamaan kepada kampung-kampung tradisi.

Sebenarnya seperti mana yang saya telah sebutkan, jumlah peruntukan di bawah Jalan Luar Bandar, Kampung-kampung Tradisi sebenarnya adalah juga besar. Pada tahun 1994 misalnya, kita telah memperuntukkan kira-kira RM155.4

juta tetapi seperti mana yang telah saya perakukan tadi, oleh kerana keperluannya begitu tinggi, jumlah peruntukan ini memanglah tidak mencukupi berbanding dengan jalan-jalan yang perlu diperbaiki. Tetapi saya telah beri jaminan tadi, perkara ini telah pun ada dalam perhatian Jemaah Menteri. Walaupun begitu, saya belum boleh memberikan satu jawapan yang muktamad tentang bagaimana pendekatannya kerana ia sedang dalam kajian dan saya percaya tidak berapa lama lagi akan ada satu pengumuman tertentu mengenai langkah-langkah yang lebih konkrit bagi mengumpul dana ataupun jumlah peruntukan yang mencukupi bagi pelaksanaan projek jalan-jalan kampung.

Sementara itu, saya menerima baik pandangan Yang Berhormat kerana masalah ini sebenarnya memang telah sedia ada dalam perhatian kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kuala Krai disebutkan tadi ingin mengetahui tentang masalah projek bekalan air di Mengkebang iaitu dalam kawasan pilihan rayanya dan telah menyebutkan projek itu telah terbengkalai dan tidak dapat dipakai pada masa ini. Sukalah saya menjelaskan, daripada penelitian yang dibuat oleh kementerian, kita dapati projek tersebut sebenarnya projek yang telah dijalankan sebelum tahun 1990 berdasarkan kepada perancangan pada masa itu di mana projek bekalan air yang dibuat secara kecil-kecilan dan dikendalikan oleh KESEDAR sebagai agensi yang bertanggungjawab. Tetapi selepas daripada itu, kawasan ini telah termasuk dalam projek Antah Biwater yang diswastakan dan paip-paip lama itu mempunyai piawaian yang tidak sesuai untuk disambung kepada sistem yang telah diwujudkan di bawah projek Antah Biwater. Dengan itu, adalah perlu bagi penduduk kampung mengeluarkan perbelanjaan untuk menyambung terus kepada sistem utama yang telah disiapkan

di bawah projek Antah Biwater. Biasanya dahulu di bawah kerajaan yang lama, rakyat tempatan biasanya diberikan bantuan dan pertolongan untuk membolehkan mereka mempercepatkan program bekalan air itu. Tetapi dengan pertukaran kerajaan dan kerajaan baru yang ada di Kelantan, patutlah Ahli Yang Berhormat mencadangkan kepada Kerajaan Negeri Kelantan agar memikirkan bagaimanakah penduduk boleh mendapat nikmat daripada siapnya projek Antah Biwater dengan memikirkan dan mengambil kira tentang masyarakat luar bandar yang barangkali tidak berkemampuan di Kelantan. Walau bagaimanapun, kementerian akan membuat kajian tentang bagaimana mungkin kementerian membantu dalam masalah-masalah yang sedemikian.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Krai juga ingin tahu mengenai kawasan-kawasan tanah yang diistilahkan oleh beliau sebagai "yang telah dirampas oleh kerajaan negeri". Saya bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana Yang Berhormat dari Kuala Krai sendiri telah mengakui adanya tindakan rampasan tanah di Kelantan. Rampasan ertinya ingin mengambil dengan cara yang di luar kebiasaan ataupun di luar daripada adat. Rampasan menggambarkan, kadangkala menggambarkan sifat tamak, kegelojohan, kekerasan dan kadangkala menggambarkan kesombongan dan keangkuhan orang yang menganggap dirinya atau pihaknya kuat dan berkuasa.

Sukalah saya hendak menjelaskan kepada Dewan ini, bahawa memang benar Kerajaan Negeri Kelantan telahewartakan cadangan untuk mengambil balik tanah-tanah yang menjadi milik KESEDAR melalui Warta No. 249 bertarikh 12hb. Mei 1994. Tanah-tanah yang diwartakan adalah melibatkan tanah-tanah yang telah diberi milik kepada KESEDAR serta mempunyai dokumen-

dokumen hakmilik yang sah dan telah, serta sedang dimajukan oleh KESEDAR bagi tujuan untuk diberikan dan sedang pun didiami oleh peneroka-peneroka. Kawasan-kawasan itu untuk makluman Yang Berhormat adalah kawasan-kawasan tanah rancangan di Jeram Tekoh, Renok Baru, Sungai Asap dan Paluh II. Jumlah luas tanah yang diwartakan ialah kira-kira 4,057 hektar.

Setakat yang saya tahu, inilah kali pertama ada usaha sebuah kerajaan negeri merampas tanah milik agensi Kerajaan Persekutuan yang sedang diusahakan dan sedang dinikmati oleh rakyat. Alasan yang diberikan adalah untuk diberikan milik kepada peneroka-peneroka yang sedang mendiami tanah-tanah tersebut.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sukalah saya membetulkan satu fakta bahawasanya gambaran yang diberikan seolah-olah Kerajaan Persekutuan tidak berhasrat untuk memberikan tanah kepada peneroka-peneroka di Kelantan adalah tidak tepat sama sekali. Saya ingin membetulkan fakta bahawa bagi KESEDAR, atas arahan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Tengku Razaleigh Hamzah dalam tahun 1979, dalam satu mesyuarat yang diadakan di Kementerian Kewangan dan selepas itu diterima pakai dalam mesyuarat Lembaga yang berikutnya oleh KESEDAR, Tengku Razaleigh telah mengarahkan kepada KESEDAR agar membangunkan tanah-tanah rancangan di KESEDAR dengan menggunakan konsep yang dipanggil oleh Tengku Razaleigh sebagai konsep ala Kelantan. Konsep ala Kelantan yang diarahkan oleh Tengku Razaleigh, hendaklah tanah-tanah di KESEDAR tidak dipecahkan kepada lot-lot yang kecil dan tidak diberikan hakmilik kepada peneroka-peneroka manakala peneroka-peneroka hanya diberikan dalam bentuk saham. Atas arahan itulah, KESEDAR sehingga pada pertengahan tahun ini

masih menerima pakai sistem ala Kelantan yang telah disarankan oleh Tengku Razaleigh. Sebab itu adalah amat aneh sekali apabila pada masa ini, Tengku Razaleigh adalah antara orang yang terlibat mengesyorkan agar tanah itu dirampas dan diberikan kepada peneroka-peneroka sedangkan beliau sendiri yang memberikan arahan bertulis dan dicatatkan dalam minit mesyuarat bahawasanya beliau tidak bersetuju tanah-tanah itu diberikan secara bermilik kepada peneroka-peneroka KESEDAR.

Nampaknya trend ini menjadi satu cara dan kaedah bagi Tengku Razaleigh untuk menutup segala kaedah-kaedah yang lemah semasa beliau berkuasa dahulu dan seterusnya menuding jari seolah-olah kerajaan pada masa ini pula yang telah melakukan kesalahan.

Untuk membetulkan kelemahan sistem yang telah diperkenalkan oleh Tengku Razaleigh dalam tahun 1979, pada bulan lepas saya telah mengeluarkan arahan bertulis untuk membatalkan arahan tersebut iaitu arahan Tengku Razaleigh di mana kita tidak lagi akan memakai arahan di mana tanah di rancangan KESEDAR menerus dan mengekalkan sistem saham yang diperkenalkan oleh Tengku Razaleigh sebaliknya saya telah mengarahkan kepada KESEDAR untuk mengambil langkah-langkah mengukur dan menyukat serta memulakan proses untuk memberikan hakmilik kepada peneroka KESEDAR mengikut peraturan-peraturan tertentu yang akan ditetapkan oleh Lembaga.

Kerajaan Negeri Kelantan juga memberikan alasan, tanah-tanah ini dirampas adalah kerana KESEDAR tidak memberikan kerjasama dan dengan tidak melantik wakil-wakil Kerajaan Negeri seperti mana yang telah mereka cadangkan. Berdasarkan kepada alasan itu, untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya

telah mengambil sikap untuk menerima cadangan-cadangan Kerajaan Negeri dan bagi membolehkan saya melantik wakil-wakil yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri, saya telah menamatkan perkhidmatan ahli-ahli Lembaga daripada UMNO dan seterusnya menukar dan menggantikan dengan ahli-ahli Lembaga yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri, termasuk daripada Wakil Rakyat parti Angkatan Perpaduan Ummah.

Tetapi malangnya, walaupun setelah mereka dilantik ke dalam jemaah Lembaga, masih lagi tidak ada kerjasama seperti mana yang diharapkan daripada Kerajaan Negeri dan masalah rampasan tanah di Kelantan masih terus berlaku. Oleh sebab yang demikian, pada bulan Oktober yang lepas, saya telah menulis surat sekali lagi kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan memohon persetujuan beliau untuk saya bertemu dan datang ke pejabatnya bagi membincangkan masalah tanah KESEDAR agar masalah ini tidak memberikan bebanan kepada peneroka-peneroka yang tidak bersalah dan rata-rata miskin di kawasan tersebut.

Saya telah menerima jawapan melalui kenyataan akhbar pada akhir bulan lalu bahawasanya Yang Berhormat Menteri Besar Kelantan tidak berhasrat untuk bertemu dengan saya, malah menegaskan, usaha untuk merampas tanah akan diteruskan. Walau apa pun jawapan yang telah saya terima melalui media, saya masih tetap menunggu jawapan rasmi daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan kerana saya fikir adalah perlu bagi saya bertemu dengan pihak Kerajaan Negeri Kelantan dan menjelaskan implikasi daripada tindakan-tindakan mereka.

Sementara itu, pihak Peguam Negara telah pun mengkaji dan telah mengemukakan laporan akan pilihan-pilihan tindakan yang ada pada Kerajaan Persekutuan dan

kementerian saya sedang menimbangkan antara opsiyen yang telah diperakukan oleh Pejabat Peguam Negara dalam menangani masalah ini.

Yang Berhormat dari Kuala Krai juga ingin mengetahui berapakah peruntukan yang telah disediakan untuk KESEDAR, saya suka hendak memaklumkan, pada setiap tahun, sejumlah yang besar diperuntukkan kepada KESEDAR bagi membolehkan rakyat Kelantan, terutamanya di kawasan Hulu Kelantan menikmati pembangunan walaupun Kerajaan Barisan Nasional tidak memerintah di negeri tersebut.

Dalam tahun 1993, sebanyak RM13.9 juta dalam bentuk pinjaman dan RM29.9 juta dalam bentuk geran pemberian langsung; tahun 1994, sebanyak RM17.8 juta dalam bentuk pinjaman dan RM20.021 juta dalam bentuk geran langsung; dan dalam tahun 1995, sebanyak RM9.7 juta dalam bentuk pinjaman dan akan kita pertingkatkan pemberian langsung kepada angka tertinggi iaitu RM30.8 juta. Ini menjadi bukti tuduhan yang menyatakan Kerajaan Persekutuan tidak membantu dan membangunkan Kelantan adalah tidak tepat.

Walaupun apa provokasi yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri serta tuduhan-tuduhan yang tidak berasas, Kerajaan Persekutuan tidak akan terbawabawa dengan provokasi itu dan akan meneruskan dasar Kerajaan Persekutuan untuk terus membantu rakyat Kelantan dan rakyat luar bandar bagi memastikan mereka mendapat nikmat kemudahan daripada bantuan Kerajaan Persekutuan walaupun Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk bertindak sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih. Ada beberapa perkara lain yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat yang tak dapat saya bang-

kitkan di sini. Sukacita saya memberikan ketegasan bahawa segala pandangan-pandangan itu yang dikemukakan dan berkaitan dengan Kementerian saya akan diberikan perhatian dan akan diambil tindakan yang sewajarnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kementerian Luar Negeri diminta jawab.

5.10 ptg.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan perhatian yang serius atas perkara-perkara di bawah hal ehwal Kementerian Luar Negeri bersesuaian dengan peranan yang aktif yang dimainkan oleh pucuk pimpinan negara kita di arena antara-bangsa semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1995 dan Usul Anggaran Pembangunan 1995.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang perhatian yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Marang yang meminta kita lebih menyokong perjuangan rakyat Palestin, Kashmir dan Tajikistan, sukacita saya menegaskan bahawa dasar dan sokongan Malaysia, negara kita terhadap perjuangan rakyat Palestin adalah amat jelas. Sejak dari awal lagi, Malaysia telah memberikan sokongan padu di atas perjuangan rakyat Palestin di forum antarabangsa seperti di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Pergerakan Berkecuali dan Persidangan Pertubuhan Islam. Malah Malaysia telah memainkan peranan yang aktif dalam usaha-usaha mempertahankan maruah dan hak rakyat Palestin. Pada masa yang sama, Malaysia telah mengambil pendirian yang tegas mengenai dasar-dasar Israel yang bersikap ganas dan tidak adil ke atas rakyat Palestin.

Malaysia juga adalah antara negara yang ulung menghulurkan bantuan kepada Palestin dalam bentuk kewangan, moral dan sokongan diplomatik. Seterusnya, kerajaan juga menyokong usaha-usaha oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan atau NGO's dan Badan-badan Sukarela yang bermatlamat untuk membantu rakyat Palestin. Malaysia juga adalah negara yang awal mengiktiraf pembentukan Kerajaan Palestin yang telah menghulurkan bantuan secara dua hala kepada Palestinian National Authority atau PNA, dengan izin.

Dasar Malaysia adalah konsisten terhadap sokongan kepada perjuangan rakyat Palestin supaya mereka diberi hak keadilan. Dalam konteks Perjanjian Damai di Asia Barat, Kerajaan Malaysia akan terus memberikan sokongan kepada rakyat Palestin, khususnya PLO supaya satu penyelesaian yang adil dan menyeluruh akan dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, perang saudara telah meletus di Tajikistan selepas negara tersebut mencapai kemerdekaan pada akhir tahun 1991 akibat keruntuhan Kesatuan Soviet. Perang saudara ini berlaku di antara pemerintahan bekas komunis yang masih berkuasa dengan pihak pro-nasionalis, demokrat dan kumpulan-kumpulan Islam. Kumpulan-kumpulan yang menentang Kerajaan Tushambe ini berpusat di utara Afghanistan di mana terdapat lebih kurang 60,000 pelarian orang Tajik.

Negara-negara jiran di Asia Tengah dan Rusia mengambil berat pengaruh kumpulan Islam di Tajikistan serta pengaruh Iran ke atas penduduk Tajikistan yang majoritinya berketurunan Parsi. Adalah dipercayai bahawa pejuang-pejuang Islam ingin mendapat bantuan senjata daripada Kerajaan Iran.

Kerajaan berpendapat bahawa perang saudara ini lebih merupakan masalah dalaman bagi negara Tajikistan. Dalam hal

ini, kerajaan berpendirian bahawa masalah ini perlulah diselesai secara rundingan dengan pihak-pihak yang bertelagah dan jika kesemua pihak bersetuju, rundingan tersebut bolehlah dibuat di bawah naungan PBB.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia tetap memandang serius terhadap pergolakan yang terus berlaku di Jammu dan Kashmir dan dalam hal ini Kerajaan Malaysia telah menggesa Kerajaan India supaya tidak menggunakan kekerasan bagi mengatasi masalah di Jammu dan Kashmir. Sejajar dengan itu, Malaysia telah mengambil pendirian untuk menggesa kedua-dua buah negara yang terlibat, iaitu India dan Pakistan supaya menyelesaikan isu tersebut secara aman di meja perundingan dengan mengambil kira Ketetapan 38 dan 47 Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan Perjanjian Simla yang ditandatangani oleh India dan Pakistan pada tahun 1971.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Alor Setar telah membangkitkan bahawa Kerajaan Malaysia harus meneruskan usaha-usaha dalam merealisasikan penubuhan EAEC walaupun Kerajaan Jepun tidak menjadi ahlinya. Jadi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, Kerajaan Malaysia tidak pernah berganjak dari hasrat untuk terus meneruskan usaha-usaha bagi melaksanakan penubuhan Rundingan Ekonomi Asia Timur ataupun EAEC. Sungguhpun terdapat penentangan beberapa buah negara besar, kerajaan masih giat berusaha agar penubuhan EAEC menjadi kenyataan. Kerajaan Jepun pada dasarnya tidak menolak idea penubuhan EAEC dan ini telah pun ditunjukkan oleh Kerajaan Jepun apabila Menteri Luar Negerinya telah menghadiri mesyuarat tidak rasmi bersama-sama dengan Menteri-menteri Luar ASEAN dan negara-negara Asia Timur yang lain semasa Mesyuarat Menteri-menteri Luar Negara ASEAN di Bangkok pada bulan Julai 1994 yang lalu.

Saya suka menegaskan di sini, bahawa Kementerian Luar Negeri akan terus memainkan peranan yang diamanahkan dalam memajukan dasar-dasar negara di masyarakat antarabangsa, agar kepentingan negara terus terjamin sesuai dengan profil negara yang semakin dikenali dan disegani di kalangan masyarakat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, itulah beberapa perkara yang dibangkitkan secara substantif oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbincangan ini dan saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada mereka yang telah memberi perhatian kepada kementerian dalam perbincangan Belanjawan pada kali ini.

Sekian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kementerian Kesihatan diminta jawab.

5.20 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' K. Kumaran): Saya bagi pihak Kementerian Kesihatan mengucapkan berbilang terima kasih atas pandangan yang bernas dan membina dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di sepanjang perbincangan Belanjawan ini. Izinkan saya memberi sedikit sebanyak ulasan dan jawapan ke atas teguran-teguran yang telah dibuat itu.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah meminta Kementerian Kesihatan memberikan penjelasan mengenai cadangan penswastaaan pembangunan tapak Hospital Kuala Lumpur yang diberikan kepada Tunas Selatan Sdn. Bhd. Untuk makluman Yang Berhormat, Hospital Kuala Lumpur pada masa ini telah menjalankan peranan sebagai Hospital Pakar Wilayah Persekutuan termasuk kawasan-kawasan sekitarnya serta menjadi sebagai pusat rujukan negara (National

Reference Centre). Pertambahan tanggungjawab dan fungsi hospital tersebut telah menambahkan kesesakan dari segi pembangunan fizikal dan peningkatan pesakit yang menerima rawatan.

Oleh itu, bagi mengatasinya Kementerian Kesihatan telah mencadangkan supaya beban Hospital Kuala Lumpur dikurangkan dengan cara desentralisasi dengan mengagihkan perkhidmatan-perkhidmatan perubatan itu ke hospital-hospital baru di kawasan-kawasan Ampang, Kajang, Shah Alam, Sepang dan Selayang. Oleh sebab anggaran kos pembinaan kemudahan kesihatan tersebut berjumlah RM200,000 juta, maka konsep penswastan adalah difikirkan paling sesuai untuk digunakan bagi membangunkan kemudahan baru di sekitar Wilayah Persekutuan.

Dalam hubungan ini, pihak Tunas Selatan Sdn. Bhd. telah mengemukakan cadangan untuk membina hospital-hospital dan kemudahan-kemudahan baru di luar tapak Hospital Kuala Lumpur sekarang ini dengan syarat mereka dibenarkan untuk membangunkan semula tapak hospital Kuala Lumpur sebagai pusat komersial. Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan Tunas Selatan Sdn. Bhd. tersebut masih lagi di dalam kajian bersama Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kesihatan.

Ahli Yang Berhormat dari Sibu telah mencadangkan agar langkah-langkah diambil untuk mengatasi masalah kekurangan doktor-doktor dan pakar yang serius dialami di seluruh negara amnya dan Sarawak khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia sememangnya memberi perhatian serius kepada masalah yang dibangkitkan. Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan ialah dengan mengambil

perkhidmatan doktor-doktor asing secara kontrak. Setakat ini kementerian telah melantik seramai 140 orang doktor biasa asing secara kontrak dan 87 doktor pakar. Kementerian juga telah mendapat kelulusan untuk mengambil sejumlah 704 lagi doktor asing yang terdiri daripada 303 doktor biasa dan 173 doktor pakar. Berikutan dengan iklan yang disiarkan di beberapa buah negara baru-baru ini, maka Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia sedang mengambil tindakan bagi menemu duga lebih ramai lagi doktor-doktor asing untuk berkhidmat dengan kerajaan.

Pada masa yang sama

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Jerai bangun.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan kalau boleh daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, iaitu berkenaan dengan doktor kita ini. Keseluruhannya berapakah kita Malaysia ini memerlukan doktor. Berapa kekurangan doktor pakar dan berapa kekurangan doktor biasa? Adakah doktor-doktor yang kita ambil dari luar negara ini tangga gaji mereka seimbang dengan doktor-doktor tempatan ini dan apakah lain-lain kemudahan yang kita beri kepada doktor-doktor asing ini berbanding dengan doktor-doktor tempatan?

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, saya akan beri jawapan kepada soalan yang kedua. Iaitu tidak ada perbezaan gaji antara doktor asing dengan doktor tempatan. Mungkin ada bayaran perjalanan. Itu sahaja, tidak ada perbezaan. Kekurangan doktor saya akan jawab.

Pada masa yang sama, sebagai langkah untuk mengelakkan doktor-doktor meninggalkan perkhidmatan kerajaan, beberapa insentif telah disediakan kepada mereka. Baru-baru ini kerajaan telah meluluskan elaun kerja di luar waktu kerja biasa (out of hours duties allowances) kepada pegawai-pegawai perubatan yang bertugas di luar waktu masa bekerja. Di samping itu, peluang-peluang kenaikan pangkat akan diperluaskan sebagai salah satu motivasi kepada mereka. Mengenai langkah-langkah yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu, suka saya memaklumkan bahawa beberapa cadangan-cadangan berkenaan telah pun dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan kecuali yang melibatkan dasar dan memerlukan perancangan dan kajian yang teliti.

Mengenai pewujudan tabung kesihatan yang bertujuan membantu rakyat yang kurang berkemampuan untuk mendapat rawatan lanjut semasa di dalam atau di luar negeri seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kangar, suka saya memaklumkan bahawa penubuhan tabung sedemikian perlu kajian yang mendalam dari segala aspek khususnya tentang liputan dan keadilan sosial.

Untuk makluman, Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri dengan bantuan seorang pakar perunding sedang menjalankan kajian pembiayaan kesihatan kebangsaan bagi maksud yang disarankan oleh Yang Berhormat itu. Adalah diharapkan agar setelah kajian tersebut diselesaikan, maka suatu sistem pembiayaan kesihatan kebangsaan akan dapat dikenal pasti dan akan dapat mengatasi masalah pembiayaan kesihatan yang dialami oleh rakyat pada masa ini.

Mengenai permintaan daripada Yang Berhormat dari Bukit Mas untuk membina sebuah hospital baru di Lawas, suka saya memaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan akan mengkaji keperluan

cadangan untuk menggantikan hospital yang sedia ada dengan hospital baru. Mengenai klinik desa di Long Labit yang diberhentikan perkhidmatan akibat bantahan daripada masyarakat Penan dan Kelabit pada tahun 1982, perkhidmatan kesihatan boleh diperolehi dari pasukan kesihatan kampung yang ditempatkan di Pusat Kesihatan Satu, Nanga, Medamit setiap bulan.

Yang Yang di-Pertua, berhubung dengan permintaan Yang Berhormat dari Kapit mengenai tempat tinggal bagi saudara mara pesakit semasa pesakit dirawat di hospital, izinkan saya memaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan sememangnya prihatin terhadap masalah kekurangan tempat tinggal bagi saudara mara yang mengiringi pesakit semasa di hospital. Oleh itu, Kementerian Kesihatan telah mengadakan balai pelawat di hospital untuk saudara mara tinggal, berehat dan sembahyang. Bagi ibu-ibu yang mengiringi anak-anak kecil, katil ibu disediakan bersebelahan katil anak untuk kemudahan. Walau bagaimanapun, dalam keadaan di mana peruntukan begitu terhad kemudahan rawatan kepada pesakit akan lebih diutamakan melebihi dari penyediaan kemudahan tempat kepada saudara mara yang mengiringi pesakit.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai aduan kes-kes kematian yang didakwa diakibatkan oleh kecuaiannya doktor yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Lanang, suka saya memberi jaminan bahawa Kementerian Kesihatan akan menjalankan siasatan terperinci bagi mengetahui punca sebenar kejadian. Jika kematian terbukti akibat kecuaiannya di pihak hospital, tindakan sewajarnya akan diambil ke atas mereka yang terbabit itu.

Mengenai kekurangan doktor pakar dan insentif-insentif kepada doktor, perkara tersebut telah pun saya sentuh di dalam jawapan kepada teguran oleh Yang Berhormat dari Sibu sebentar tadi.

Mengenai janji bekas Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk membina sebuah hospital di Sipitang yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Keningau, sukacita saya memaklumkan bahawa sebuah hospital yang mengandungi 93 buah katil, berkonsep nukleus, berharga RM49 juta hampir siap dan dijangka dapat beroperasi pada penghujung tahun ini. Balik kepada permintaan daripada Yang Berhormat dari Jerai, pada masa ini kita menghadapi kekurangan doktor biasa lebih kurang 303 orang dan pakar 170 orang. Kita baru, seperti saya terangkan tadi, kita mengiklankan di luar negara, khasnya di India, Pakistan dan Bangladesh dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam telah menerima 340 permohonan dan pertengahan bulan Disember, satu pasukan atau rombongan akan pergi ke negara-negara tersebut untuk menemu duga doktor-doktor itu. Apabila kita selesaikan temu duga itu, maka saya haraplah dan, insya-Allah, kita akan selesaikan dan beres kekurangan doktor di tanah air kita ini.

Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Jerai bangun, Yang Berhormat.

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, inilah penjelasan

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Jerai bangun.

Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu secara khusus daripada Yang Berhormat kita ini, apakah sebab sebenarnya doktor-doktor yang kita hantar untuk belajar ke luar negara, balik dengan ijazah kelulusannya. Kemudian telah berkhidmat, telah menyelesaikan kontrak kerajaan, mereka meninggalkan kerajaan dan masuk ke dalam hospital swasta ataupun bekerja

dengan private clinics. Jadi, adakah sebab-sebab tertentu? Mungkinkah kerana perkhidmatan mereka ini tidak diberi satu penghormatan di dalam kerajaan ataupun bayaran-bayaran gaji yang tidak sejajar dengan kebolehan dan kemampuan mereka ini? Dan kalau ya, apakah program kerajaan untuk memastikan bahawa kita dapat mengekalkan doktor-doktor ini supaya masih bekerja dengan kerajaan? Jadi, tidak payahlah import doktor-doktor daripada Bangladesh dan sebagainya. Ini masalah komunikasi. Tuan Yang di-Pertua. Kalau pergi ke Yan, Kedah, mereka tidak erti hendak cakap Bahasa Melayu, dengan orang kampung. Dia suruh buka lidah, kawan ini buka baju, jadi kacau hospital itu. Ini masalahnya, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, senang nak jawab. Ada sebab utama iaitu, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan khasnya, dan Kerajaan Malaysia amnya, telah mempunyai rancangan untuk memberi perkhidmatan kesihatan asas kepada seluruh rakyat menjelang tahun 2020. Oleh sebab itu, kita merancang dan membuka beberapa buah pusat kesihatan. Dalam lingkungan tiap-tiap 1.5 kilometer, kita ada satu bangunan. Boleh nampak bangunan Kementerian Kesihatan. Oleh sebab itu, kita ingin memberi satu perkhidmatan asas dan oleh sebab itu kekurangan doktor.

Yang kedua, negara sekarang membangun dan ekonomi pun bukan banyak bertambah. Oleh sebab itu penduduk-penduduk yang pilih untuk mendapat rawatan yang canggih, mereka pergi ke swasta di mana orang mampu pergi ke doktor-doktor swasta. Oleh sebab itu, kebanyakan doktor keluar daripada kerajaan untuk menubuhkan klinik sendiri. Oleh sebab itu, kita menghadapi

kekurangan doktor. Walau bagaimanapun, kementerian telah menyediakan beberapa insentif. Baru-baru ini, kita pun adakan "on-call allowance". Baru-baru ini, kita ada beri keistimewaan kepada doktor. Sebab itu, kita beri peluang scholarship pengajian di luar negara dan tanah air kita ini dan skop kenaikan pangkat pun diperluaskan. Walau bagaimanapun, mereka tidak berapa puas hati, saya sudah tahu. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, walaupun kerajaan beri lebih kurang RM2,000 atau RM3,000 kepada seorang doktor, manakala mereka pergi ke swasta, saya dengar mereka boleh dapat lebih kurang RM15,000 atau RM20,000. Oleh sebab itu, perlulah ada sedikit pengorbanan kepada rakyat sebelum mereka tamatkan latihan dengan pinjaman ataupun bantuan daripada kerajaan, maka mereka mesti berkhidmat sekurang-kurangnya 5 atau 10 tahun. Selepas kontrak 3 atau 4 tahun, dia lari, dia mahu cari wang dengan cepat. Oleh sebab itu, saya fikir tidak berjiwa rakyat.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dia bangun lagi, Yang Berhormat.

Dato' K. Kumaran: Cukup.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju, macam doktor dari Kepong ini, dia tinggalkan kerajaan kerana dia mahu kejar duit. Dia mahu kejar duit, jadi Wakil Rakyat, jadi doktor. Jadi, adakah ini patut?

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini terpulang kepada budi bicara masing-masing. (*Ketawa*) Tuan Yang di-Pertua, inilah penjelasan yang saya dapat beri ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli yang tersebut. Sekiranya terdapat perkara-

perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak sempat saya jawab, saya pohon maaf. Bagaimanapun, perkara-perkara ini akan diberi perhatian oleh kementerian saya dan akan diambil tindakan sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan diminta jawab.

5.36 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Abdul Raman bin Suliman): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan, pandangan serta teguran-teguran yang membina terhadap isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan 1995.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pandangan dan dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Marang, Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, berhubung dengan industri pelancongan negara yang katanya lebih membawa unsur-unsur negatif kepada negara dan merosakkan moral rakyat, khususnya generasi muda. (*Tepuk*) Kenyataan Yang Berhormat ini amatlah tidak patut, khususnya kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia. Ingin saya tegas di sini, bahawa kerajaan melalui kementerian ini tidak pernah, sekali lagi saya ulangi, iaitu tidak pernah mempromosikan ataupun menjual Malaysia berlandaskan kepada kegiatan seks atau apa-apa unsur yang membawa keruntuhan akhlak. Malah kempen publisiti yang dilaksanakan oleh kerajaan adalah tertumpu kepada usaha menonjolkan Malaysia sebagai satu destinasi pelan-

congong yang kaya dengan keunikan budaya berbilang kaum, kesopanan dan ramah mesra rakyatnya, kehijauan alam semula jadi dan tempat-tempat peninggalan sejarah yang lampau.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga melalui Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan berusaha untuk meningkatkan penghayatan budaya tempatan di kalangan rakyat melalui program kebudayaan. Kerajaan sedar bahawa kemasukan budaya asing perlu ditangani dengan menanamkan nilai-nilai murni di kalangan generasi muda negara ini. Pelbagai program kebudayaan sedang dijalankan dalam usaha menanam nilai-nilai murni kepada masyarakat Malaysia supaya menjadi masyarakat berbudaya dan dengan kekentalan serta ketebalan nilai ketimuran, masyarakat tempatan sudah tentu tidak dipengaruhi dengan tingkah-laku pelancong.

Mengenai dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Marang yang menyatakan bahawa kerajaan lebih mementingkan para pelancong asing daripada rakyat luar bandar yang miskin di negara ini, adalah satu dakwaan yang tidak berasas sama sekali kerana usaha-usaha untuk membangunkan masyarakat luar bandar masih menjadi agenda utama dalam Belanjawan 1995 dan dalam program pembangunan negara. Ahli Yang Berhormat dari Marang juga ada mendakwa bahawa kebanyakan air laut di sekeliling pantai Pulau Pinang dan beberapa tempat yang lain tidak lagi selamat untuk berenang dan dipenuhi dengan sampah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Marang berkenaan, kerajaan melalui Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Kerajaan Negeri dan agensi-agensi kerajaan yang lain telah melaksanakan kempen kebersihan seperti kebersihan kawasan pantai atau laut, sungai, parit dan longkang untuk mengatasi masalah

pencemaran dan pembuangan sampah yang tidak teratur. Malah pihak berkuasa tempatan telah pun mempunyai peruntukan undang-undang untuk mengawal dan menguatkuasa peraturan-peraturan ini. Kerajaan juga menekankan pembangunan yang seimbang bagi projek-projek pelancongan untuk memastikan sistem ekologi tidak terganggu. Di samping itu, Kementerian ini juga membekalkan jentera-jentera pembersih pantai kepada Majlis-majlis Daerah dan Kerajaan-kerajaan Tempatan tertentu bagi memastikan pantai-pantai di negara ini berada dalam keadaan bersih, selesa dan terkawal.

Kementerian ini juga sedang dalam proses pembelian jentera pembersih air untuk digunakan oleh Majlis Daerah ataupun Perbandaran bagi membersihkan sungai-sungai, tasik-tasik dan laut yang menjadi tempat pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dakwaan kononnya pembangunan projek-projek pelancongan telah membebankan rakyat hasil daripada pengambilan tanah oleh kerajaan, sukalah dinyatakan bahawa sesuatu projek yang akan dilaksanakan akan dikaji dengan terperinci dan ianya akan dilaksanakan sekiranya tidak membebankan rakyat. Jika adapun tanah rakyat yang terlibat, kerajaan akan membayar pampasan yang sewajarnya berdasarkan kepada nilai-nilai tanah tersebut. Di samping itu juga saya ingin menyatakan bahawa setiap projek pelancongan yang dilaksanakan akan menguntungkan rakyat dan negara pada keseluruhannya, terutamanya dari segi peluang pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat dari Alor Setar agar kerajaan mengkaji semula insentif yang boleh diberikan kepada industri pelancongan, sebenarnya kerajaan telah pun mengumumkan bahawa semua hotel

kelas sederhana dan kelas mewah di semua lokasi layak diberi galakan insentif Elaun Cukai Pelaburan (ECP) sebanyak 60% atau taraf perintis kepada hotel kelas sederhana di semua lokasi. Perlu dinyatakan bahawa insentif ini adalah layak dinikmati oleh semua permohonan yang diterima tidak lewat dari 31 Disember, 1995 yang akan datang dan projek berkenaan dapat beroperasi selewat-lewatnya pada tahun 1998. Adalah dijangkakan dengan adanya insentif ini, pelabur-pelabur swasta akan terus melabur dalam projek perhotelan, khususnya projek hotel kos sederhana dan rendah sejajar dengan hasrat kerajaan untuk menggalakkan pelancongan domestik.

Ingin ditegaskan juga bahawa kerajaan akan terus menggalakkan pembinaan hotel kos sederhana dan rendah di kawasan-kawasan selain dari kawasan-kawasan yang sedia membangun, di mana telah pun banyak hotel yang sedia dibina.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin merakamkan sekali lagi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran dan mana-mana yang barangkali tidak dapat saya jawab pada hari ini, insya-Allah kita telah pun mengambil ingatan untuk mengambil tindakan kepada perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kementerian Pertanian.

5.42 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr. T. Marimuthu): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian serta membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang tugas Kementerian Pertanian ataupun di bawah kawalan dan tanggungjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Marang telah membangkitkan beberapa persoalan mengenai Akta Perikanan yang menurut beliau perlu dikaji semula, guna memanfaatkan para nelayan yakni bukan untuk memudaratkan mereka. Beliau menyebutkan tentang tindakan membakar bot-bot nelayan oleh Jabatan Perikanan dan tindakan lain yang dianggapnya lebih mengutamakan kepentingan pelancong daripada kepentingan nelayan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjelaskan bahawa kementerian khususnya Jabatan Perikanan telah pun mewujudkan Akta Perikanan yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada tahun 1985 dan dipinda pada Mei, 1993 dengan tujuan dan keazaman untuk mengurus dan mengawal aktiviti-aktiviti penangkapan ikan supaya hasil yang maksimum dapat dicapai demi manfaat nelayan khususnya dan rakyat Malaysia amnya. Pelaksanaan dan penguatkuasaan Akta akan memelihara dan menjamin agar sumber-sumber ikan dapat dikekalkan secara berterusan melalui pembiakan tabii dengan mengutamakan peningkatan kecekapan dalam pengurusan, pengawal seliaan serta pengawalan sumber di samping mengambil kira terhadap pemuliharaan sumber dan alam sekitar. Oleh itu Kementerian tidak bercadang untuk membuat pindaan kepada Akta tersebut buat masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat yang sama juga mendakwa bahawa undang-undang yang dikenakan telah menyusahkan nelayan, contohnya tindakan membakar bot-bot mereka yang melanggar peraturan perikanan. Dakwaan ini adalah tidak tepat. Sebenarnya Jabatan Perikanan tidak membakar bot-bot dengan sewenang-wenang ataupun hanya kerana pelanggaran peraturan. Pemusnahan bot nelayan sama ada secara dipecah, ditenggelam atau dibakar oleh pihak Jabatan Perikanan adalah dilakukan

sebagai menepati syarat pengeluaran lesen untuk bot baru, iaitu bot yang lama hendaklah dilupuskan. Tindakan ini adalah bertujuan untuk menentukan supaya bot-bot berkenaan tidak akan dibaiki semula dan digunakan dalam industri penangkapan ikan.

Selain dari itu mengikut seksyen kecil 52 (2) Akta Perikanan 1985, mana-mana vesel yang telah dirampas atau diisi melalui perintah mahkamah akan diserahkan ke Jabatan Perikanan untuk pelupusan, mengikut cara yang telah ditetapkan iaitu sama ada dilupuskan secara ditenggelamkan atau dibakar. Oleh itu jelaslah bahawa Jabatan Perikanan hanya melupuskan bot-bot yang didapati telah melanggar Akta Perikanan 1985, lebih menjaga kepentingan para nelayan juga supaya tiada bot yang dengan izin, 'not seaworthy' akan terus digunakan, di samping menentukan tidak terlalu banyak bot-bot nelayan melayari samudera negara kita sehingga menjejaskan mata pencarian para nelayan sendiri. Selain dari kemungkinan membencanakan sumber perikanan kita melalui persaingan yang tidak sihat dan perlakuan 'over fishing', dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat itu juga menggesa kerajaan supaya menentukan agar pulau-pulau yang dinamakan taman laut, rizab laut memberi manfaat kepada para nelayan dan tidak semata-mata menumpukan kepada kepentingan pelancong-pelancong asing sahaja.

Sebagai penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat, saya ingin menegaskan bahawa objektif utama taman laut, rizab laut diwujudkan ialah untuk memelihara dan melindungi batu-batu karang dan segala kehidupan 'aquatic' di terumbu batu karang yang menjadi tempat pembiakan sumber-sumber perikanan dapat dikekalkan. Langkah ini secara

langsung akan dapat memberi manfaat kepada para nelayan khususnya nelayan-nelayan trasidi yang menangkap ikan di perairan pantai. Ianya akan dapat meningkatkan lagi pendapatan mereka berasaskan kepada kewujudan sumber perikanan yang berkekalan.

Di samping itu dengan wujudnya taman laut atau rizab laut, nelayan-nelayan tradisi boleh menikmati faedah dengan menceburi dalam bidang sampingan 'ecotourism'. Di antara kegiatan-kegiatan yang boleh mereka jalankan adalah penjualan kraftangan, mengangkut pelancong, menjual makanan dan minuman, menjadi 'dive guard' dan sebagainya. Jabatan Perikanan telah dan akan memberi latihan serta bimbingan supaya nelayan boleh menjadi 'dive guard' kepada para pelancong yang khusus datang untuk menikmati alam laut semula jadi untuk beriadah atau berekreasi di dasar samudera.

Tuan Yang di-Pertua, berikutnya saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Arau yang telah mengesyorkan supaya Kementerian Pertanian menghebahkan cara penggunaan racun makhluk perosak kepada rakyat melalui media massa seperti televisyen, radio dan lain-lain. Dalam hal ini Kementerian Pertanian melalui Jabatan Pertanian dan lain-lain agensinya termasuklah LPP, MARDI dan sebagainya sentiasa mengadakan kempen cara-cara menggunakan racun makhluk perosak dengan selamat. Kempen ini dilaksanakan dalam program-program tertentu seperti radio dan juga 'Rancangan Pertanian' di TV. Di samping itu bagi memastikan kempen ini sampai kepada golongan sasaran secara menyeluruh, kementerian khususnya Jabatan Pertanian dari masa ke semasa telah mengadakan latihan kepada petani-petani dalam semua aspek penggunaan racun makhluk perosak. Selain dari itu kementerian juga

mengadakan poster, risalah dan lembaran maklumat kepada petani-petani untuk memastikan mereka tahu dan faham tentang cara-cara menggunakan racun makhluk perosak dengan selamat.

Kementerian berharap agar pengetahuan dan kefahaman demikian akan menyedarkan mereka supaya mengamalkan penggunaan racun pertanian dengan cara yang betul dan tidak membahayakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Pasir Mas telah membangkitkan persoalan berhubung dengan masalah harga ayam yang akhir-akhir ini telah melambung tinggi serta beliau menyeru agar satu langkah bersepadu jangka panjang perlu diambil supaya negara kita khususnya rakyat bebas dari peras ugut oleh pengeluar, pemborong, pengedar dan peruncit yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, publisiti baru-baru ini telah mewujudkan isu harga ayam dengan pelbagai tuduhan hingga daging ayam telah dijadikan satu daripada 25 barangan kawalan. Oleh itu saya menyatakan di sini bahawa pergerakan harga ayam juga adalah sama seperti barangan yang lain yang mengalami turun naik harga berasaskan kepada tawaran dan permintaan di pasaran. Harga ayam berubah dengan adanya perubahan permintaan dan bekalan. Pengguna yang bijak akan membuat pilihan sendiri, sama ada mahu terus membeli ayam apabila harga tinggi atau sebaliknya tidak membeli ayam supaya mengurangkan permintaan di pasaran yang dengan sendirinya akan menyebabkan penurunan harga.

Bagi mengawal kestabilan harga daging ayam, Kementerian Pertanian melalui Jabatan Perkhidmatan Haiwan mengadakan mesyuarat bulanan dengan pengeluar-pengeluar ayam untuk merancang dan mengesan pengeluaran anak ayam supaya pengeluaran ayam daging lebih menepati keperluan pasaran

tempatan. Seterusnya kementerian akan membenarkan pengimportan daging ayam, ayam beku dan anak ayam mengikut keperluan apabila pengeluaran tempatan dijangka tidak dapat memenuhi keperluan permintaan untuk tempoh masa tertentu.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas juga telah menyeru kepada kerajaan supaya dapat memberi peruntukan yang mencukupi bagi menambak tebing sungai Kelantan di Pasir Mas yang menurutnya tebing sungai tersebut telah runtuh kerana hakisan banjir dan ribut yang menyebabkan rumah-rumah terancam.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan hakisan tebing Sungai Kelantan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah kira-kira 2 kilometer panjang yang bermula daripada penghujung benteng Pasir Mas sehingga rumah pam Pasir Mas. Kerja-kerja perlindungan tebing Sungai Kelantan yang kosnya dianggarkan sebanyak RM6 juta akan digabungkan dengan kerja-kerja tebatan banjir kira-kira RM2 juta bagi kawasan-kawasan berkenaan dan akan dicadangkan untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri pula telah mengesyorkan supaya kerajaan mengadakan undang-undang untuk menghukum sesiapa mereka yang dengan sengaja membuang sampah atau membuang sisa-sisa kilang atau sisa-sisa perniagaan mereka ke sungai sehingga menyebabkan sungai-sungai kotor. Beliau juga telah mengecam mengenai usaha-usaha mengadakan kempen-kempen mengindahkan sungai yang dianggapkan hanya sebagai satu upacara (ceremonial) sahaja yang mempunyai kesan yang terlalu sedikit yang tidak efektif.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan memang telah mempunyai undang-undang yang dikuatkuasakan oleh pelbagai agensi

Kerajaan Persekutuan mahupun Negeri untuk mengawal pencemaran sungai sama ada dari aspek sampah-sarap, kelodak, kimia atau sisa tumpahan domestik.

Mengenai kempen "Cintailah Sungai Kita" yang telah dilancarkan pada tahun 1993, ianya adalah satu kempen yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai supaya bersama-sama terlibat dalam pemeliharaan dan penjagaan sungai.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, kempen ini adalah satu langkah jangka panjang dan pencapaian objektifnya pada keseluruhannya memerlukan satu tempoh masa yang panjang juga dan pelaksanaannya adalah berjalan secara berperingkat. Sehingga kini berbagai kesan dan matlamat

Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Ahli dari Jerai bangun.

Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, iaitu berkenaan dengan kempen membersihkan sungai ini. Kita dapati banyak muaramuara sungai hari ini telah cangkat. Saya difahamkan bahawa peruntukan tidak mencukupi untuk mendalamkan sungai-sungai ini. Jadi, kalau muara-muara sungai ini tidak dapat didalman maka air yang turun daripada bukit-bukit ini tidak dapat mengalir dengan sempurna. Saya ingin bertanya pada Yang Berhormat, kempen sungai terbaik sekali tahun ini menang kepada negeri mana dan daerah mana? Sekian, terima kasih.

Dr. T. Marimuthu: Untuk menjawab soalan yang kedua, dalam teks ucapan saya, saya boleh menjawab soalan itu. Mengenai soalan muara sungai, satu

kajian terperinci telah pun dijalankan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran dan beberapa seminar telah diadakan dan kita telah meminta peruntukan daripada kerajaan untuk mendalamkan muaramuara sungai.

Untuk menjawab soalan kedua, sehingga ini pelbagai kesan dan matlamat positif telah dicapai. Kempen-kempen mengindahkan sungai bukan merupakan usaha ceremonial sahaja tetapi pelaksanaannya telah menghasilkan banyak faedah. Sehingga kini sebanyak 101 kawasan sungai telah dijadikan sungai angkat yang dirancang, dibangun dan diselenggarakan oleh orang kampung dan murid-murid sekolah. Di samping itu sebanyak 49 buah sekolah sedang terlibat dalam usaha mengesan dan menilai kualiti air di 27 batang sungai di seluruh negara dan 25 kawasan rizab sungai di kawasan bandar telah dikenal pasti untuk dimajukan sebagai pusat rekreasi. Ceramah juga diberi kepada kira-kira 25,590 orang murid-murid daripada 327 buah sekolah. Satu simposium antarabangsa bertajuk "Management of Rivers For The Future", dengan izin, telah dianjurkan oleh kerajaan untuk seramai 332 orang peserta dari 22 buah negara.

Tuan Yang di-Pertua, berikutnya Ahli Yang Berhormat dari Kimanis telah mencadangkan supaya Persatuan Peladang dan Pejabat FAMA Negeri memainkan peranannya yang aktif supaya menjadi ejen untuk membeli dan memasarkan hasil-hasil tempatan supaya harga terjamin dan dapat dikawal pengeluaran yang mencukupi serta berterusan supaya dapat menyelamatkan petani atau nelayan dari diperas oleh orang yang ketiga.

Untuk menjawab soalan ini, adalah dimaklumkan bahawa pejabat-pejabat FAMA negeri sentiasa bersedia untuk bergerak dengan lebih aktif untuk membeli dan memasarkan hasil-hasil tempatan

seperti buah-buahan, sayur-sayuran dan hasil-hasil ternakan. Ke arah ini FAMA menjalankan kursus-kursus pendidikan pasaran supaya petani-petani mengetahui amalan lepas tuai yang boleh menjamin hasil yang lebih berkualiti dan menggalakkan pemasaran secara berkumpulan seperti melalui Pasar Tani. Pada masa ini sebanyak 170 buah Pasar Tani telah ditubuhkan di seluruh negara dan melibatkan seramai 4,500 orang petani. Selain daripada penglibatan dalam jualan runcit di Pasar-pasar Tani, FAMA juga sedang menggalakkan petani-petani menyertai dalam peringkat pemborongan. Pada masa ini terdapat 2 buah Pasar Tani yang telah didirikan di Selayang dan di Puchong, Selangor.

Akhir sekali, Ahli Yang Berhormat dari Sepang dalam perbahasannya telah meminta Kementerian Pertanian memberi perhatian dan seterusnya mengambil tindakan bagi mengatasi masalah pencemaran yang timbul akibat daripada ternakan khinzir di Sepang.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan persoalan ini, semua penternak khinzir telah pun diarah mendirikan sistem pengolahan sisa ataupun 'waste treatment' di ladang khinzir masing-masing. Ladang-ladang khinzir yang tidak sesuai dari segi lokasinya dan yang terbabit dengan pembangunan akan ditutup. Seterusnya Kementerian Pertanian, khususnya Jabatan Perkhidmatan Haiwan sentiasa akan terus mengesan affluent yang dikeluarkan daripada sistem pengolahan sisa.

Dengan itu, saya mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah sama-sama memberi perhatian.

Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Bagan Serai bangun.

Dr. T. Marimuthu: Okay.

Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ada bangkitkan masalah kerosakan padi yang diserang oleh sejenis serangga dipanggil 'kutu beruang' di dalam ucapan saya kelmarin langsung tidak disentuh, kerana ini penting, dia menyebabkan kerugian yang berat kepada peladang-peladang. Lebih kurang 2,000 hektar padi daripada 24,000 hektar sawah telah pun musnah. Apakah usaha daripada Kementerian Pertanian untuk mengatasi masalah dan juga relief kepada tanaman mereka yang diserang dan menyebabkan kerugian ini.

Yang kedua, saya juga ada meminta jawapan apakah usaha daripada kementerian ini untuk mencari jalan supaya dapat menghapuskan musuh-musuh pertanian yang terdiri daripada 'kutu beruang' dan juga bena perang, cenangau dan juga tikus yang berterusan musim demi semusim tidak habis-habis. Jadi, rasanya tidak disentuh langsung daripada jawapan Timbalan Menteri tadi.

Dr. T. Marimuthu: Saya minta maaf oleh kerana soalan Yang Berhormat tidak dijawab. Tetapi cadangan Yang Berhormat mengenai kerugian petani-petani oleh kerana hasil-hasil tananam mereka telah diancam oleh serangga, dan kita harus mengambil tindakan untuk menyelesaikan masalah itu. Dan juga 'beruang-beruang', (*Ketawa*) ya, 'kutu beruang'?

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Kutu beruang.

Dr. T. Marimuthu: Tak apalah apa-apa "beruang". (*Ketawa*) Ini adalah masalah-masalah yang dihadapi oleh petani-petani. Jabatan Pertanian sentiasa memberi perhatian, mengkaji dan meneliti masalah-

masalah yang dihadapi oleh mereka. Kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya mengenai masalah ini. Saya faham Yang Berhormat adalah seorang arif dalam bidang pertanian, dan cadangan-cadangan Ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian yang serius.

Dengan itu, saya mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah sama-sama memberi perhatian kepada Kementerian Pertanian dan segala perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian dan tindakan sewajarnya bagi meninggikan lagi prestasi Kementerian Pertanian. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

6.03 ptg.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan teguran pada kementerian ini sepanjang perbahasan di atas Belanjawan kepada tahun hadapan. Saya suka memberikan beberapa penjelasan di atas perkara-perkara itu.

Yang Berhormat dari Kok Lanas telah menimbulkan soal peneroka rugi dan dieksploitasi. FELDA kononnya mempunyai tahap keuntungan yang besar, di samping kuasa tadbir yang luas, sehingga yang penting ialah FELDA, bukannya peneroka. Saya suka jelaskan bahawa sebagai peneroka FELDA, mereka sebenarnya mendapat peluang dan kemudahan-kemudahan yang banyak. Di antaranya ialah mereka tidak perlu membayar premium dan cukai tanah sekaligus untuk memiliki tanah seperti mana di luar rancangan. Kerajaan juga menyediakan kemudahan-kemudahan asas

khusus bagi peneroka di rancangan tanpa dikenakan apa-apa bayaran. Di samping itu, peruntukan kegiatan sosial untuk peneroka disediakan untuk mereka menyusun kegiatan masyarakat melalui institusi sosial yang diwujudkan. Umpamanya, pada tahun 1994 ini sejumlah RM6.2 juta telah diuntukkan bagi tujuan ini. Hasil kebun mereka dipulangkan sepenuhnya dan FELDA tidak mengambil apa-apa keuntungan daripadanya. Kos pengurusan rancangan pula ditanggung oleh kerajaan seratus peratus.

Oleh itu, adalah tidak berasas dakwaan bahawa peneroka rugi dan dieksploitasi, sedangkan FELDA memperolehi keuntungan yang besar. Kedua, kononnya kira-kira 60% peneroka masih terikat dengan hutang bayaran kembali, hak-hak mereka di sisi undang-undang terlalu tipis dan sempit. Saya suka jelaskan, untuk menempatkan seorang peneroka di rancangan, melibatkan perbelanjaan sebanyak RM97,000 iaitu RM50,000 untuk kos pembangunan dan harga tanah serta RM47,000 untuk menyediakan infrastruktur. Walau bagaimanapun, peneroka tidak dikenakan kos penyediaan infrastruktur, tetapi hanya dikenakan bayaran balik kos pembangunan dan harga tanah. Untuk tidak membebankan peneroka membuat bayaran kembali, ianya dijadualkan untuk diselesaikan dalam tempoh 15 tahun. Mereka yang masih terikat dengan hutang itu ialah peneroka-peneroka yang masih lagi dalam tempoh jadual tersebut.

Sehingga ini, suka saya jelaskan bahawa daripada 114,000 peneroka yang ada di rancangan-rancangan, 25,358 orang peneroka telah pun menyelesaikan bayaran kembali ataupun hutang-hutang mereka, dan ada bakinya seramai 88,642 orang peneroka itulah di dalam lingkungan kira-kira 60% yang masih lagi di dalam proses mengansur hutang mereka pada kerajaan. Daripada 25,358 orang peneroka yang telah menyelesaikan BK atau bayaran kembali itu, 20,538 orang

telah pun diberi hakmilik. Bakinya ada 4,820 orang yang sedang diproses hakmilik mereka itu dan bila selesai nanti kita akan beri kepada para peneroka. Adalah kurang jelas dan tidak berasas bahawa hak-hak peneroka di sisi undang-undang terlalu tipis dan sempit. Peneroka sebagaimana warganegara yang lain adalah juga tertakluk kepada undang-undang negara dan berhak menuntut keadilan di sisi undang-undang tersebut.

Apa yang didakwa oleh Yang Berhormat dari Kok Lanas yang saya perhatikan ialah tentang syarat-syarat yang diletakkan oleh kerajaan di dalam geran-geran yang dikeluarkan. Dan ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah perkara biasa. Geran-geran yang diberi ataupun tittle yang diberi kepada orang kampung pun ada sekatan-sekatan tertentu yang dikenakan oleh kerajaan. Kita membuat undang-undang GSA ini bukan untuk menyusahkan rakyat, khususnya peneroka. Undang-undang itu dibuat untuk melindungi para peneroka.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga beliau mendakwa paras kemiskinan sentiasa melanda peneroka dengan pendapatan kurang dari RM300 sebulan. Penjelasan saya, punca pendapatan peneroka adalah bergantung kepada hasil komoditi utama dan ianya tertakluk kepada harga pasaran. Ketika harga tinggi, pendapatan peneroka turut meningkat. Sungguhpun begitu, walaupun ada masalah kedudukan harga pasaran, peneroka tidak boleh diletakkan di kalangan rakyat termiskin kerana mereka adalah bakal pemilik tanah dengan mempunyai nilai harta yang tinggi, sedangkan golongan termiskin tidak memilikinya.

Mengikut rekod FELDA sehingga bulan Ogos 1994, purata pendapatan kasar peneroka ialah RM1,030.26 sebulan bagi sawit dan RM829.33 sebulan bagi getah. Purata pendapatan bersih pula, ialah RM821 sebulan bagi sawit dan RM636 sebulan bagi getah.

Keempat, laporan *Berita Harian* mengenai pendapatan peneroka FELDA Chalok Terengganu kurang dari RM5 kerana potongan hutang keterlaluhan dan berganda. Saya suka jelaskan laporan tersebut tidak tepat dan ia adalah berasaskan kepada penyata pendapatan bulan Ogos 1994. Pasa masa ini purata pendapatan kasar peneroka di rancangan tersebut ialah RM802 sebulan se peneroka.

Walau bagaimanapun, sebahagian peneroka mempunyai potongan persendirian iaitu pendahuluan kredit keperluan harian yang diambil oleh peneroka. Perbelanjaan ini adalah dari pendapatan mereka dan tidak sepatutnya dikira sebagai potongan FELDA.

Kelima, FELDA bersikap berdiam diri berikutan desakan pihak tertentu berhubung dengan cadangan untuk menswastakan agensi tersebut. Saya telah menegaskan bahawa tidak ada rancangan sedikit pun untuk hendak menswastakan FELDA.

Keenam, sistem kredit kedai FELDA di rancangan seolah-olah sistem padi kunca. Penjelasan saya ialah perkhidmatan kedai runcit Perbadanan Niaga FELDA di rancangan adalah untuk kemudahan peneroka memperolehi keperluan harian dengan harga yang berpatutan. Mereka boleh membeli keperluan harian secara kredit. Walau bagaimanapun, mereka digalakkan membeli secara tunai.

Ketujuh, kedudukan hutang kepada FELDA tidak kemas kini. Saya suka menegaskan bahawa FELDA sentiasa mengemas kini penyata peneroka dan penyata ini diedarkan setiap enam bulan kepada semua peneroka.

Kelapan, Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas mengatakan lagi, mengikut surat perjanjian hasil tanaman hendaklah dijual kepada FELDA mengikut paras harga yang ditetapkan oleh FELDA. Perbezaan harga jualan di kalangan FELDA dan swasta ialah antara 15% hingga 20%. Saya suka jelaskan bahawa

hasil tanaman peneroka perlu dijual kepada FELDA untuk menentukan mereka mendapat harga yang berpatutan dan tidak dieksploitasi oleh pihak lain.

Di samping itu peraturan ini dapat memastikan mereka menjelaskan bayaran kembali mengikut jadual.

Paras harga Buah Tandan Baru (BTB) yang ditetapkan oleh FELDA adalah berasaskan harga pasaran semasa mengikut harga minyak sawit mentah dan isi sawit yang diisytihar oleh PORLA. Kadar harga ini adalah setanding dengan harga di kilang swasta.

Perkara kesembilan, peneroka tidak boleh beli hasil peneroka dan untuk dijual ke kilang FELDA. Setiap peneroka mestilah menyelesaikan bayaran kembali masing-masing. Sekiranya hasil dijual kepada peneroka lain, maka potongan bayaran kembali tidak dapat dibuat darinya dan ini akan membebankannya kelak. Di samping itu, harga belian oleh segelintir peneroka tersebut adalah lebih rendah daripada harga yang ditawarkan oleh FELDA. Untuk mengelakkan eksploitasi ini peraturan tersebut perlu dikuatkuasakan.

Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas mendakwa lagi peneroka dikehendaki menandatangani perjanjian baru tanam semula dengan FELDA, sepatutnya dengan RISDA. Dalam perjanjian baru ini, kononnya tanah peneroka terpaksa diserahkan kepada FELDA. Saya suka jelaskan adalah menjadi hasrat kerajaan untuk memastikan setiap rancangan mencapai kejayaan dan diurus dengan teratur. Oleh itu, kerajaan masih berkehendakkan FELDA yang mempunyai kepakaran tersebut untuk menguruskan tanah-tanah rancangan termasuk tanam semula.

Untuk tujuan ini peneroka perlulah menandatangani surat perjanjian tersebut. Tanah itu masih lagi menjadi milik peneroka dan tidak diserahkan kepada FELDA seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Kesebelas, soal pemberhentian Tabung Sosio-Ekonomi Peneroka. Tabung ini tidak diberhentikan dan masih mengeluarkan bantuan berbentuk pinjaman kepada peneroka-peneroka yang menjalankan projek usaha sampingan untuk menambah pendapatan. Bagi tahun 1994 sehingga bulan April, pinjaman yang telah dikeluarkan ialah RM371.500 bagi seramai 84 orang pengusaha.

Satu lagi perkara ialah tentang Sistem Blok yang dikuatkuasakan ke atas tanah mesti dihentikan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat ini, sebenarnya mulai dari tahun 1988 — lama, jauh dia sudah ketinggalan kereta api ini. Mulai tahun 1988 lagi kerajaan telah mengarahkan supaya semua sistem hakmilik tanah termasuk Sistem Blok diubah kepada sistem hakmilik individu. Oleh itu perkara ini tidak berbangkit lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Maran telah menimbulkan soal perbezaan kos tanaman semula di antara FELDA dan pihak swasta. Saya suka jelaskan sedikit iaitu perbezaan ini memang kita akui ada di antara 3% ke 4%. Latar belakangnya yang pertama sekali, kawasan-kawasan FELDA ini sebahagian besarnya terletak di kawasan-kawasan yang jauh di pedalaman berbanding dengan kawasan-kawasan estet yang kebanyakannya ada dekat-dekat tepi jalan, itu yang pertama.

Yang kedua, keadaan permukaan bumi tanah itu yang berbeda. Dan bila kita hendak buat kerja tanam semula, kita kena buat lebih kerja seperti terracing.

Ketiga, kadangkala kita kena belanja lebih sedikit dari segi hendak menyediakan jalan-jalan pertanian, yang semuanya ini kalau dibandingkan dengan pihak swasta tidak begitu melibatkan perbelanjaan yang besar. Dan salah satu lagi faktornya ialah konsep tanam semula FELDA ialah daripada mula kita tebas-tebang kemudian kita jaga kawasan itu sehingga mengeluarkan hasil. Berbanding

dengan pihak swasta, konsep tanam semulanya daripada tanam sampai selesai proses penanaman itu sahaja.

Jadi, ini yang menimbulkan sedikit perbezaan. Namun demikian, pada keseluruhannya kalau dilihat keadaan ataupun kadar perbezaan itu kita fikirkan munasabah dan sebenarnya boleh kita cari jalan untuk mengurangkannya dari satu masa ke satu masa.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah sedikit penjelasan daripada saya, saya sekali lagi mengucapkan berbilang-banyak terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

6.18 ptg.

Timbalan Menteri Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, cadangan dan pandangan yang membina semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1995 mengenai perkara-perkara yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Izinkan saya memberi jawapan ke atas beberapa perkara yang tertentu, yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Benut berkaitan dengan perlunya kerajaan lebih berusaha untuk menggalakkan pelaburan dalam negeri, sukacita dimaklumkan bahawa kerajaan memang peka tentang pentingnya pelaburan tempatan dalam ekonomi negara. Oleh itu, pada bulan April 1993 kerajaan telah melancarkan Dasar Meningkatkan Pelaburan Domestik. Dengan ini, Dewan ini telah pun dimaklumkan mengenai strategi-strategi tentang program dasar ini. Beberapa seminar dan juga fungsi pelaburan

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, ada Usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

6.19 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pada pukul 7.00 malam atau sehingga telah selesai perbahasan dalam Dasar Am mengenai Rang Undang-undang Perbekalan 1995 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1995 mengikut mana yang terdahulu. Selepas daripada itu Majlis Mesyuarat ini hendaklah ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari Isnin 21 November 1994.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bagi diputuskan iaitu:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pada pukul 7.00 malam atau sehingga telah selesai perbahasan dalam Dasar Am mengenai Rang Undang-undang Perbekalan 1995 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1995 mengikut mana yang terdahulu. Selepas daripada itu Majlis Mesyuarat ini hendaklah ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari Isnin 21 November 1994,

hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pada pukul 7.00 malam atau sehingga setelah selesai perbahasan dalam Dasar Am mengenai Rang Undang-undang Perbekalan 1995 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1995 mengikut mana yang terdahulu. Selepas daripada itu Majlis Mesyuarat ini hendaklah ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari Isnin 21 November 1994.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1995

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1995

Perbahasan disambung semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila sambung.

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, beberapa seminar dan juga promosi pelaburan tempatan telah diadakan oleh MITI supaya dapat meningkatkan pelaburan tempatan. Mulai pada tahun 1993 dua seminar pelaburan tempatan telah diadakan di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur bersempena dengan Expo IKS. Bagi tahun 1994 pula, kementerian saya telah mengadakan lagi dua seminar pelaburan tempatan bersama dengan Expo IKS di Kuala Lumpur dan Kuching dan tiga seminar pelaburan tempatan sahaja di Kuala Lumpur, Ipoh dan Melaka.

Selanjutnya dalam Belanjawan 1995 pula, kerajaan telah mengumumkan penubuhan Tabung Pelaburan Domestik berjumlah RM1 bilion dengan mengemas kini dan menyatukan semua tabung dan program kewangan yang sedia ada. Tabung ini sebagai satu insentif kewangan bertujuan antara lain untuk merangsang pelaburan tempatan terutamanya IKS, menggalakkan modenisasi teknologi penyelidikan, pembangunan barangan jenama Malaysia serta meningkatkan pemasaran ke seluruh dunia.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Alor Setar berhubung dengan keengganan Jepun menyokong EAEC, Malaysia akan terus berusaha bersama dengan negara-negara ASEAN untuk mempengaruhi pemikiran pemimpin-pemimpin Jepun dan untuk mengatasi apa-apa salah tafsiran mengenai EAEC.

Mengenai cadangan untuk membaikiimbangan perdagangan dengan negara Jepun, kerajaan akan terus merundingkan pembukaan pasaran Jepun melalui GATT atau WTO dan melalui dialog ASEAN-Jepun. Di samping itu, pengawasan akan diteruskan bagi menentukan layanan yang adil bagi kemasukan barangan Malaysia dalam pembukaan pasaran Jepun yang diperbuat dalam rangka rundingan dua hala Jepun-Amerika Syarikat dan dalam rangka kerja APEC.

Walau bagaimanapun, perlu diambil ingatan bahawa import yang kian meningkat dari Jepun pada sebahagian besarnya adalah merupakan import alatan dan jentera hasil dari aliran masuk pelaburan dari negara itu. Dalam jangka panjang, pengeluaran daripada pelaburan ini akan meningkatkan eksport keseluruhan negara ke pasaran antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kimanis agar kerajaan mengkaji semula dasar perdagangan Malaysia dengan Jepun, kerajaan memang sedar bahawa Malaysia sedang mengalami defisit perdagangan dengan Jepun. Defisit perdagangan di antara Malaysia dengan Jepun telah meningkat daripada RM3.82 bilion dalam tahun 1989 ke RM16.5 bilion dalam tahun 1993. Ini merupakan peningkatan 332% dalam tempoh 5 tahun. Defisit perdagangan ini adalah kerana yang pertama, import-import Malaysia dari Jepun meningkat dengan kadar lebih cepat daripada kadar peningkatan eksport-eksport Malaysia ke Jepun.

Yang kedua, pertumbuhan sektor industri Malaysia yang pesat, yang menghasilkan keperluan mesin-mesin, peralatan, komponen-komponen dan barang-barang ganti dari Jepun. Yang ketiga, kenaikan nilai mata wang Yen berbanding dengan mata wang ringgit menyebabkan nilai import dari Jepun menjadi lebih tinggi.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sentiasa akan mengambil tindakan untuk menangani isu defisit ini. Ini termasuk yang pertama, menggalakkan industri-industri Malaysia mengeluarkan komponen-komponen dan barang-barang ganti di dalam negeri.

Yang kedua, menggalakkan lebih banyak syarikat-syarikat Jepun memindahkan operasi mereka ke Malaysia untuk mengeluarkan komponen-komponen dan barang-barang ganti bagi kegunaan industri Jepun di Malaysia.

Yang ketiga, menggalakkan industri-industri Malaysia mengimport mesin-mesin, peralatan, komponen-komponen dan barang-barang ganti daripada lain-lain negara.

Yang keempat, mengambil berbagai langkah untuk meningkatkan eksport ke Jepun termasuk menyertai pameran-pameran perdagangan dan menghantar rombongan perdagangan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan saranan Ahli Yang Berhormat dari Sungai Benut supaya lebih banyak syarikat bumiputera diberi peluang dalam program vendor development, dengan izin, sukalah saya memaklumkan bahawa kerajaan sentiasa berusaha untuk mendapat kerjasama lebih banyak syarikat-syarikat multinational untuk menyertai program pembangunan vendor.

Dari tahun 1988 sehingga 15hb. November tahun ini sebanyak 43 syarikat besar dan MNC telah menyertai program ini dan menjadi syarikat utama atau anchor company di bawah program tersebut. MITI merancang untuk mendapatkan sebanyak 90 syarikat besar dan multinational corporations bagi menyertai program ini sehingga tahun 2000.

Seiring dengan usaha meningkatkan penglibatan MNC dalam program ini, kerajaan akan terus bekerjasama dengan syarikat utama untuk membangunkan lebih banyak syarikat vendor bumiputera. Dari tahun 1988 sehingga 15hb. November tahun ini, sebanyak 59 syarikat vendor bertaraf bumiputera telah dibangunkan dalam sektor-sektor utama seperti komponen plastik, komponen berasaskan kayu, subassembly, auto-insertion dan surface mounting, metal stamping, komponen automatif, wire-harness, metal fabrication, wirecord, komponen elektrik dan elektronik, chemical dan electroplating, die-attach wirebond dan peralatan telekomunikasi. Lebih banyak syarikat IKS bumiputera akan berpeluang untuk menjadi vendor di bawah program ini berasaskan rancangan untuk mengadakan sebanyak 90 syarikat anchor sehingga tahun 2000.

Berhubung dengan saranan Ahli Yang Berhormat dari Larut supaya memperluaskan industri kecil dan sederhana di kawasan luar bandar. Dimaklumkan bahawa kerajaan sedang membangunkan beberapa kawasan tapak perindustrian khusus untuk industri kecil dan sederhana di beberapa kawasan luar bandar seperti di tempat-tempat berikut: Bentong, Pahang; Paka, Terengganu; Bandar Baru Seri Alam, Johor; Teluk Kalong, Terengganu; Pedas, Negeri Sembilan; Masjid Tanah, Melaka dan Kuala Kangsar, Perak.

Tapak kilang perindustrian untuk IKS itu akan dimajukan oleh Malaysian Industrial Estate Sdn. Bhd. (MIEL) iaitu anak syarikat Malaysia Industrial Development Finance Berhad (MIDF) sebagai agensi di bawah MITI.

Di dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam, Kerajaan Persekutuan melalui MITI ada menyediakan peruntukan kewangan sebanyak RM54.9 juta untuk kemudahan infrastruktur bagi memajukan tapak-tapak kilang perindustrian IKS itu.

Berhubung dengan cadangan oleh Yang Berhormat dari kawasan Telok Intan yang mencadangkan supaya menggalakkan pemodenan IKS, pihak kerajaan sememangnya sentiasa menggalakkan modenisasi IKS untuk meningkatkan keluaran di pasaran antarabangsa. Barangan keluaran syarikat-syarikat IKS mendapat pasaran eksport yang luas menerusi penyertaan syarikat-syarikat IKS dalam rombongan promosi perdagangan serta pameran perdagangan di luar negara yang dianjurkan oleh MITI melalui agensi pelaksanaannya iaitu Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia atau MATRADE. Di samping itu, pihak kerajaan ada menyediakan peruntukan

kewangan di bawah Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian atau Industrial Technical Fund yang khusus untuk membantu syarikat-syarikat IKS menyertai pameran perdagangan di luar negara bagi mempromosikan barangan keluaran mereka untuk pasaran eksport.

Bagi menggalakkan modenisasi IKS untuk meningkatkan keluaran di pasaran antarabangsa, pihak kerajaan melalui MITI ada menyediakan peruntukan kewangan di bawah Rancangan Malaysia Keenam berjumlah sebanyak RM70 juta untuk Skim Pinjaman Mudah Modenisasi dan Automasi IKS. Skim ini adalah dilaksanakan melalui MIDF. Bermula dari tahun 1992 hingga bulan Oktober tahun ini, sebanyak 34 buah syarikat IKS telah mendapat kemudahan pinjaman mudah modenisasi dan automasi yang bernilai sebanyak RM15 juta. Semua ini menggambarkan bahawa pihak MITI sentiasa memberi galakan kepada syarikat-syarikat IKS untuk meningkatkan keluaran mereka supaya dapat dieksport ke luar negara.

Berhubung dengan beberapa soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu dari Bukit Bintang, Kangar, Pasir Mas, Kok Lanas dan Tanjong berkaitan dengan pembahagian saham yang dikendalikan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, soalan-soalan ini telah dijawab dengan terperinci di dalam Dewan ini. Walau bagaimanapun, ingin saya jelaskan sekali lagi bahawa pembahagian saham ini adalah mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh kerajaan. Mereka yang telah diperuntukkan saham adalah terdiri daripada pihak-pihak bumiputera yang layak di bawah garis panduan yang diamalkan pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja penjelasan yang ingin saya berikan kepada beberapa isu penting yang dibangkitkan

Tuan Wee Choo Keong: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Bukit Bintang bangun.

Beberapa Ahli: Sudah habis.

Tuan Chua Jui Meng: Sudah habis.

Tuan Wee Choo Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua

Tuan Chua Jui Meng: . . . oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah berdiri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat hendak beri jalan? Hendak beri jalan?

Tuan Chua Jui Meng: Tidak, sudah habis.

Tuan Wee Choo Keong: Ya, saya sudah berdiri.

Tuan Chua Jui Meng: Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih

Tuan Wee Choo Keong: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dia tidak beri jalan.

Tuan Chua Jui Meng: di atas teguran dan pandangan yang tidak sempat dijawab pada kali ini dan perkara tersebut akan diambil perhatian sewajarnya.

Tuan Wee Choo Keong: saham-saham. Takutkah?

Tuan Chua Jui Meng: Terlambatlah.

Tuan Wee Choo Keong: Dia kasi jalankan? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bertenang, Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong: Saya ingin menanya

Tuan Chua Jui Meng: Habis.

Tuan Wee Choo Keong: Saya ingin menanya

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, dia sudah tamat berucap.

Tuan Wee Choo Keong: Dia takut! Dia takut. Tidak berani hendak jawab!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, janganlah membuat sangkaan. Cukuplah.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

“Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada Ringgit Malaysia Empat Belas Bilion, Empat Ratus Dua Juta, Sembilan Ratus Enam Puluh Enam Ribu dan Tujuh Ratus (RM14,402,966,700) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1995, dan bagi

tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ‘P’ dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1995 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 17 Tahun 1994, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut”.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Majlis Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang Isnin hadapan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.32 petang.